

SULIT\*

PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010  
PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010  
**PERCUE 940/1** 10 PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010  
**PERCUE** 10 PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010 **STPM 2011** M2010  
PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2009 PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010  
PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010  
PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010  
PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010  
PERCUBAANSTPM2010 KERTAS 1- TAMADUN DUNIA HINGGA TAHUN 1800 M2010  
PERCUBAAN M2010  
PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010  
PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010 PERCUBAANSTPM2010

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM 2011

### JABATAN PELAJARAN NEGERI PAHANG

Arahan kepada calon :

Jawab **empat** soalan sahaja : **dua** soalan daripada Bahagian A dan **dua** soalan daripada Bahagian B

---

Kertas soalan ini terdiri daripada 2 halaman bercetak  
© Jabatan Pelajaran Negeri Pahang 2011

**STPM 940/1**

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan ini tamat

Lihat sebelah  
**SULIT\***

## **BAHAGIAN A ( TAMADUN DUNIA )**

1. Pembandaran adalah proses di mana penduduk tinggal dan bekerja di kawasan yang kecil dan menjalankan kerja-kerja seperti perdagangan, perindustrian dan perkhidmatan. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai,uraikan ciri-ciri bandar Tamadun Indus dan Mesopotamia. (25)
2. Huraikan tentang faktor-faktor perubahan yang mendorong kepada kemunculan Negara Bangsa di Eropah. (25)
3. Bincangkan idea pemikiran ketenteraan Kautilya pada abad ke 3 SM dengan Niccolo Machiavelli pada abad ke 16 M (25)
4. Sistem ekonomi Eropah mengalami perubahan secara evolusi setiap zaman. Galurkan perkembangan sistem ekonomi Eropah dari zaman pertengahan sehingga zaman moden (25)
5. Bincangkan faktor-faktor penjelajahan dan penerokaan Christopher Columbus serta sumbangannya. (25)
6. Athens dan Sparta merupakan dua buah negara kota yang terkenal di Yunani. Bandingkan sistem pemerintahan kedua-dua negara tersebut. (25)
7. Kewujudan Organisasi Sosial di Lembah Indus dan China agak unik berbanding dengan tamadun-tamadun lain. Bincangkan ciri-ciri Organisasi Sosial kedua-dua tamadun berkenaan bagi membuktikan pencapaian ketamadunan masyarakat tersebut. (25)
8. Bandingkan ciri-ciri senibina Tamadun Islam dan Tamadun Rom. (25)

## **BAHAGIAN B : TAMADUN ISLAM**

9. Bandingkan ciri-ciri masyarakat Arab pada zaman jahiliyah dengan masyarakat Islam pada zaman Nabi Muhammad SAW di Semenanjung Arab (25)
10. Huraikan konsep ummah serta jelaskan sebab-sebab pembentukan ummah oleh Nabi Muhammad dan masalah-masalah yang dihadapi berdasarkan keadaan yang wujud di Madinah (25)
11. Jelaskan isi kandungan Sahifah Madinah dan kepentingan Piagam tersebut dalam pentadbiran Nabi Muhammas s.a.w di Madinah . (25)
12. Nabi Muhammad SAW telah menunjukkan contoh teladan yang terbaik dalam kepimpinan baginda. Bincangkan kepemimpinan baginda dalam pelbagai bidang. (25)
13. Bincangkan kesan Perang Salib terhadap dunia Islam dan Eropah. (25)
14. "Membayar zakat adalah diwajibkan ke atas umat Islam". Bincangkan sejarah, fungsi dan pelaksanaan zakat dari zaman Rasulullah s.a.w hingga ke zaman kerajaan Bani Umayyah. (25)
15. Jelaskan sumber ilmu menurut tamadun Islam dan tamadun Barat (25)
16. Bandingkan sumbangan Ibn Battutah dan Marco Polo dalam bidang pelayaran dan penjelajahan kepada perkembangan tamadun manusia. (25)

## BAHAGIAN A

1. Pembandaran adalah proses di mana penduduk tinggal dan bekerja di kawasan yang kecil dan menjalankan kerja-kerja seperti perdagangan, perindustrian dan perkhidmatan. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai,uraikan ciri-ciri bandar Tamadun Indus dan Mesopotamia.

### Pendahuluan :

- Bandar merupakan salah satu ciri utama tamadun. Bandar merupakan nadi kepada pembangunan dan perubahan sesuatu tamadun
- Bandar adalah suatu unit politik , suatu petempatan yang didiami oleh sejumlah penduduk atau suatu kelompok rumah tempat kediaman atau lain-lain struktur.
- M.A.J. Beg dalam *History Cities of Asia* mentakrifkan bandar sebagai suatu kawasan yang dihuni oleh penduduk yang ramai dan sebahagian besarnya boleh membaca dan menulis dan mereka terlibat dalam kegiatan bukan pertanian.
- Perbandaran merujuk kepada proses pertumbuhan dan pembinaan bandar.
- Fungsi -fungsi bandar sebagai pusat pentadbiran, pusat keagamaan, ketahanan, perdagangan, pengangkutan, pendidikan dan perindustrian.
- Contoh bandar Tamadun Indus : Mohenjo-Daro dan Harappa, Mesopotamia: Calah dan Nineveh.

### Isi-isi Penting

#### Ciri-ciri bandar Tamadun Indus (10 Markah )

##### Bandar terancang :

- Pembinaan bandar terancang , penduduk mempunyai pengetahuan tinggi dalam bidang perancangan dan pembinaan bandar.

##### Pelan struktur yang sama :

- Pembahagian bandar kepada kubu dan bandar. Kubu di bahagian timur untuk pertahanan dan mengatasi masalah banjir. Bahagian bawah kubu terletak bandar yang menganjur sejauh tiga batu.

##### Bahan binaan yang bermutu tinggi :

- Pembinaan bangunan daripada batu bermutu tinggi , dua saiz yang standard iaitu 11 X 5.5 X 2.5. inci Bangunan didirikan dalam blok-blok empat persegi panjang jalan-jalan dan lorong-lorong.

##### Jalan yang teratur :

- Jalan-jalan utama dibina secara lurus dan berukuran 30 kaki lebar. Jalan dari utara ke selatan. Disilang pada sudut tepat dan bentuk blok-blok yang berukuran 130 kaki X 65 kaki. Lorong-lorong dibina selari dengan jalan-jalan utama.

##### Pembinaan longkang dan sistem pembuangan air :

- Terdapat longkang tertutup di sepanjang jalan-jalan utama. Longkang dilengkapi dengan
- Lubang pemeriksaan untuk kerja pembersihan. Air dari rumah dialirkan ke longkang besar melalui longkang-longkang kecil.

**Kemudahan-kemudahan awam :**

- Tempat mandi awam " great bath ", tandas awam, dewan perhimpunan.

**Rumah dibina dalam satu deretan di sepanjang jalan-jalan utama :**

- Batu yang bermutu tinggi, dua tingkat atau lebih, berbentuk empat segi, mempunyai bilik mandi dan perigi., peredaran udara yang baik.Terdapat juga rumah kongsi bagi buruh dan hamba. Jelepang besar untuk menyimpan bijirin.

**Ciri-ciri bandar Mesopotamia : (10 Markah )**

**Pembinaan kubu-kubu pertahanan :**

- Pembinaan kubu bermula menjelang tahun 3000 S.M.
- Bandar lama : kubu pertahanan di bahagian tengah.
- Bandar baru : Kubu terletak di kawasan luar bandar.

**Tembok pertahanan :**

- **Fungsi** : Menjadi sempadan antara bandar dan luar bandar, barisan pertahanan semasa perperangan.
- **Bentuk pertahanan yang berbeza** : segi empat sama, segi empat tepat, bulat dan bujur,. Bandar Ur dan Uruk bentuk pertahanan berbentuk bujur, bandar Zenjirli, tembok pertahanan berbentuk bulatan.
- **Raja** bertanggungjawab untuk memelihara dan perbaiki tembok-tembok pertahanan.

**Pintu gerbang yang melambangkan kekayaan sesebuah bandar :**

- Terdapat monumen di pintu gerbang untuk menarik pelawat-pelawat. Raja membina patung mereka berhampiran pintu gerbang .Pintu gerbang juga sebagai pusat sivik, perhimpunan akan diadakan berhampiran pintu gerbang.
- *Procession street* : Perarakan diadakan di jalan besar yang melalui pintu gerbang semasa perayaan tahun baru.
- Terdapat lapan pintu gerbang di Babylon, setiap pintu masuk dinamakan sempena nama tuhan, pintu Ishtar merupakan pintu gerbang utama.
- Nama pintu gerbang mencerminkan golongan masyarakat dan pekerjaan mereka yang mendiami bahagian bandar . contoh : *gate of metalworks di Assur*.

**Kewujudan Pasar :**

- Perkembangan pasar didorong oleh perkembangan bandar-bandar besar.
- Catatan dalam inskripsi di Susa menyebut tentang kewujudan pasar dan senarai harga di pamerkan di pasar.
- Bandar kubu dan bandar bukit.

**Pembinaan jalan :**

- Jalan-jalan menghubungkan pintu masuk utama dengan tempat lain di dalam bandar.
- Jalan di bandar Ur mempunyai lebar yang standard dan bersilang pada sudut yang tepat.
- Jalan di bandar Urartu, jalan dibina dalam corak grid yang tersusun, lebar lima meter/tujuh meter.
- Terdapat jalan suci di bandar Babylon, Assur dan Uruk. Jalan suci digunakan untuk perarakan semasa perayaan tahun baru. Terdapat monumen yang indah di kedua-dua belah jalan suci

**Kesimpulan :**

- Kemunculan bandar merupakan ciri penting dalam kemunculan sesuatu tamadun. Perkembangan bandar dan tamadun tidak boleh dipisahkan. Boleh dikatakan bahawa bandar-bandar wujud di setiap tamadun awal. Bandar adalah satu unit politik, suatu petempatan yang didiami oleh sejumlah penduduk atau suatu kelompok rumah kediaman atau lain-lain struktur. Proses pembandaran atau urbanisasi pula boleh didefinisikan sebagai proses migrasi penduduk yang membawa kepada perkembangan bandar dari segi pertambahan penduduk dan keluasan ruang.

2. Huraikan tentang faktor-faktor perubahan yang mendorong kepada kemunculan Negara Bangsa di Eropah.

**Pendahuluan ( 3 Markah )**

1. **Negara** adalah satu badan atau autoriti dalam sesuatu wilayah yang menguruskan serta mengendalikan peraturan-peraturan dalam sesuatu masyarakat. Kerajaan yang mengubal dan menguruskan undang-undang itu telah diberi kuasa oleh masyarakat.
2. **Bangsa** pula adalah sekumpulan manusia yang menetap di sesuatu kawasan dan mempunyai latar belakang, asal-usul, adat resam, kebudayaan, agama dan sistem politik.
3. **Negara bangsa** bermakna sekumpulan manusia yang tinggal di sesuatu wilayah yang mempunyai persamaan ideologi dan sistem pemerintahan yang berdaulat dan merdeka. Kebiasaannya, sifat etnik merupakan sifat terpenting yang digunakan untuk menyatupadukan satu bangsa. Kuasa untuk mentadbir dan memerintah dipegang oleh raja dan bukan di tangan golongan bangsawan lagi. Perubahan dan perkembangan politik di Eropah pada Zaman Pertengahan telah membawa kepada pembentukan negara bangsa. Pembentukan negara bangsa dapat dilihat di beberapa buah negara Eropah seperti Perancis, Sepanyol, Jerman dan England.

**Isi-isi ( 7 isi x 3markah = 21 Markah )**

**1 Kemunculan Kesedaran Kebangsaan**

**Kesedaran kebangsaan** adalah sifat utama bagi kemunculan negara bangsa. Pada zaman kemunculan negara bangsa, contohnya, seseorang yang dilahirkan di Perancis berfikir sebagai seorang Perancis dan bukan seorang Norman, Burgindian, dan lain-lain. Kuasa kedaulatan dipegang oleh raja ( tidak lagi dikongsi ) dalam satu unit politik yang besar dan kuat. Hal ini menyebabkan **penyingkiran hak-hak warisan** dan **kuasa golongan berkuasa yang lebih rendah** seperti **golongan bangsawan, autonomi tempatan atau wilayah, keistimewaan tradisi** dan **pemansuhan kuasa politik gereja Katolik Rom. Sistem feudal dan vassal ditamatkan.**

**2. Keruntuhan Sistem Feudal**

**Sistem feudal dan keinginan raja untuk menegakkan kembali kuasanya** telah mendorong pembentukan negara bangsa. Sistem feudal telah wujud di Eropah sejak keruntuhan empayar Rom pada abad ke 5 M. Hal ini telah menimbulkan susunan masyarakat yang berperingkat-peringkat seperti Raja, Vassal ( golongan bangsawan ) dan Self ( petani dan rakyat biasa ). Raja memiliki semua tanah dalam negara dan baginda berperanan melindungi golongan bawahannya. Baginda telah memberi tanah kepada golongan bangsawan atau lord atau vassal sebagai tanda taat setia kepadanya. Sebahagian daripada hasil tanaman pula diberi kepada raja sebagai balasan. Lama-kelamaan kedudukan vassal semakin kukuh dan berkuasa. Kedudukan dan kuasa raja semakin kurang dan terpaksa bergantung kepada sokongan vassal-vassalnya. **Kesedaran raja untuk menegakkan semula kuasanya** telah menyebabkan raja menubuhkan **pasukan tentera yang kuat** dan **berperang dengan vassal-vassalnya**. Hal ini telah memulakan proses penyatuan kawasan persekitaran yang biasanya didiami oleh kelompok masyarakat dari bangsa yang sama.

**3. Kesan Perang Salib**

**Perang Salib** telah membawa kesan yang penting kepada proses pembentukan negara bangsa. Perang Salib berlaku antara **orang Kristian di Eropah** dengan **orang Islam di Timur Tengah** selama **200 tahun** ( 1095 M – 1291 M ). **Tujuan utama** orang Kristian berperang dalam Perang Salib itu adalah untuk **membebaskan Baitul Muqaddis** dan **Palestin** daripada orang Islam. Paus ( Pope ) yang merupakan ketua agama Kristian telah meminta pemimpin negara-negara Eropah untuk membantu membebaskan tanah suci orang Kristian itu. Pemerintah-pemerintah di Eropah telah **mendapatkan bantuan ketenteraan** daripada

**vassal-vassal untuk menyumbangkan tenaga serf sebagai tentera.** Hal ini telah menyebabkan **kekuatan ketenteraan vassal berkurangan**, lebih-lebih lagi apabila kebanyakan serf yang pulang daripada medan peperangan **tidak balik kepada vassal**. Mereka **berkunjung ke bandar-bandar**. Peluang ini telah **digunakan oleh raja-raja untuk mengukuhkan kedudukan mereka**. Mereka telah melaksanakan ekspedisi-ekspedisi ketenteraan untuk membawa vassal-vassal ke bawah kekuasaannya dalam usaha membentuk negara bangsa.

#### 4 Kepentingan Perkembangan Bandar

**Perkembangan bandar** dan kepentingan yang dimainkan olehnya telah mengubah **sistem ekonomi tradisional** yang mementingkan **pertanian**. Perang Salib telah membawa kepada **pembentukan bandar-bandar baru** dan **kemunculan semula bandar-bandar lama**. Ekonomi bandar berkembang pesat dengan bertambahnya penduduk dan penggunaan wang. Golongan serf mulai berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan. Askar-askar yang balik dari medan peperangan juga tidak balik ke kampung mereka. Hal ini telah melemahkan kekuasaan vassal yang bergantung kepada penguasaan tanah serta kesetiaan serf di tanah kawalan mereka. **Kemerosotan kuasa vassal** telah **menambah kuasa** dan **pengaruh raja** yang berjaya meluaskan kekuasaannya ke seluruh negeri.

#### 5. Kemunculan Golongan Pertengahan

**Kemunculan dan perkembangan golongan pertengahan** di bandar akibat kemajuan pesat dalam ekonomi perdagangan dan perindustrian telah menyebabkan **golongan pertengahan menyokong pemerintah yang kuat**, yang boleh **menguatkuasakan undang-undang** dan **peraturan** untuk **menjamin kestabilan** dan **kemakmuran negara**. Mereka memerlukan **perlindungan** daripada sebuah kerajaan pusat yang berkesan. Mereka sanggup membayar **cukai** untuk mendapatkan **kestabilan politik** untuk menjalankan **perdagangan** dan **perniagaan**. Kepentingan dan pengaruh golongan bangsawan atau vassal telah digantikan oleh golongan pertengahan dan pengusaha. Raja kini boleh mengumpul lebih banyak wang melalui percukaian yang dikenakan ke atas golongan pertengahan. Sebagai balasannya, baginda dapat **menggaji tentera** dan **pegawai perkhidmatan awam** untuk memberikan **kelas pertengahan perlindungan** dan **bentuk kerajaan** yang mereka perlukan.

#### 6. Institusi Kebangsaan

**Penubuhan institusi kebangsaan** juga memainkan penting dalam pembentukan negara bangsa. Kemajuan perdagangan dan ekonomi wang akibat Perang Salib menyebabkan sistem feudal tidak dapat memenuhi keperluan penduduk Eropah seperti menjamin keamanan dan menyediakan kemudahan-kemudahan awam, khususnya di kawasan bandar. **Raja-raja di England** dan **Perancis** melihat perkembangan ini sebagai **memberi peluang kepada mereka untuk meluaskan kuasa dan kawalan**. Mereka mula membentuk **institusi-institusi kebangsaan** bagi sebuah kerajaan, antaranya **pentadbiran pusat**, **tentera kebangsaan** dan **undang-undang kebangsaan**. Kesemua institusi ini merupakan **permulaan negara bangsa** dan membawa kepada **kemerosotan sistem feudal**.

#### 7. Kemunduran Tamadun Eropah

**Kesedaran raja-raja** dan **masyarakat Eropah** tentang **kemunduran tamadun mereka** berbanding dengan **tamadun dan kegemilangan Islam** wujud apabila mereka **bertembung** dengan **tamadun Islam** semasa **Perang Salib**. Hal ini telah menyebabkan **bangsa Eropah** mula **bertekad** untuk **menghidupkan** kembali zaman **kegemilangan** tamadun **Yunani** dan **Rom**. Pertembungan kebudayaan Arab dan Eropah telah melahirkan hasrat untuk membawa **perubahan intelektual**. Kesedaran ini telah membawa kepada **tercetusnya hasrat** untuk mewujudkan **negara** yang beridentitikan **bangsa Eropah**.

#### 8. Perkembangan Bahasa Kebangsaan

Pembentukan negara bangsa juga dibantu oleh **perkembangan bahasa kebangsaan**. Selagi orang Norman dan Burgundi bertutur dalam dialek Perancis yang berlainan, sukar bagi mereka untuk mewujudkan persatuan yang kukuh. Tetapi di zaman Renaisans yang wujud setelah Perang Salib berakhir, **buku-buku mula ditulis** bukan dalam **bahasa Latin** tetapi dalam **bahasa pertuturan** masyarakat berkenaan. Hal ini berlaku berikutan **penciptaan mesin pencetak**. Hal ini juga telah menyebabkan **penduduk** di kawasan **pedalaman Perancis** mula bercakap serta **berfikir** seperti **orang Perancis** dan akhirnya berjaya mewujudkan **identiti yang sama** untuk **penduduk** di sesuatu wilayah. Keadaan ini telah **mempercepatkan kemunculan negara bangsa** di Eropah.

#### 9. Bermulanya zaman Renaissance

Zaman ini berlaku akibat peristiwa pembunuhan Raja Charles VII yang menyebabkan orang Eropah mula mempersoalkan budaya lama mereka dan ingin sesuatu yang baru. Pembaharuan yang dibawa raja dalam bidang pentadbiran telah mendapat sokongan rakyat.

#### Kesimpulan ( 1 Markah )

Sebagai penutup, jelaslah pembentukan negara bangsa di Eropah berlaku akibat **perubahan** dalam **sistem ekonomi, politik dan sosial** yang membawa kepada **suatu fikiran baru**. Fikiran ini memerlukan perubahan politik untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang menimpa masyarakat Eropah. Dengan penubuhan negara bangsa, **tiap-tiap negeri** mengandungi **penduduk** yang berteraskan **satu bangsa, satu bahasa, satu kesusteraan** dan **satu kesedaran kebangsaan** di bawah **pemerintah raja** berkuasa mutlak.

\* Apa sahaja kesimpulan yang sesuai

**3. Bincangkan idea pemikiran ketenteraan Kautilya pada abad ke 3 SM dengan Niccolo Machiavelli pada abad ke 16 M**

**Pengenalan ( 3 Markah )**

**1. Pemikir tentera**

- a. golongan yg telah memberi sumbangan yang berharga kepada pertahanan Negara.
- b. Mengemukakan cara-cara bagaimana pemerintahan boleh mengekalkan kekuasaan melalui ketenteraan
- c. Biasanya kaedah yang diperkenalkan bertentangan dengan nilai moral dan kemanusiaan

**2. Kautilya**

- a. seorang menteri Brahmin pd zaman empayar Maurya awal abad ke 3 SM
- b. idea dikesan melalui bukunya ‘Arthashastra/ Science of Gain/Power’
- c. digunakan oleh ramai pemerintah di India spt Maharaja Asoka dan Maharaja Chandra GuptaMaurya; dlm usaha penaklukan dan peluasan wilayah
- d. ideanya dikaji oleh tokoh pemikir tentera moden dan digunakan dalam negara mereka spt Napoleon Bonaparte (Perancis), Otto Von Bismark (Jerman), Moa Tze Tong (China)

**3. Niccolo Machiavelli**

- a. tokoh pemikir tentera moden pada abad ke 16 M
- b. berasal dr Itali
- c. menghasilkan byk buku-buku berkaitan dengan politik dan ketenteraan
- d. buku terkenal – The Prince(Penguasa) dan Art of War ( Seni Peperangan)

**Isi-isi Penting**

**Idea ketenteraan Kautilya ( 10 markah )**

**1. Tentang hubungan antara Negara dengan wilayah/tanah jajahan berdasarkan kepada 6 pertimbangan**

- i. Keamanan
- ii. Peperangan
- iii. Menunggu masa untuk musuh memulakan serangan
- iv. Menyerang dahulu
- v. Mengadakan persekutuan dengan musuh
- vi. Dasar duaan iaitu persekutuan dengan satu pihak dan berperang dengan pihak yang lain

**2. Empat cara untuk menang peperangan**

- i. Pujiikan melalui ucapan yang menawan hati
- ii. memujuk dengan memberi rasuah
- iii. Semai benih perpecahan untuk melemahkan musuh
- iv. Jika gagal usaha-usaha tersebut barulah berperang

**3. Sifat seorang penakluk**

- i. Harus mengetahui tentang kekuatan tenteranya dengan kekuatan musuh
- ii. Kemahiran dalam mengadakan komplot lebih baik daripada kegagahan dan kehandalan berperang
- iii. Jika peperangan tidak ada kemenangan dan memakan masa yang panjang, raja perlu guna jalan lain yang tidak jujur seperti sabotaj, rasuah, guna pelacur dll.

**4. Kaitan dengan spiritual dan keagamaan**

- i. Berjuang hingga mati untuk mencapai matlamat spiritual
- ii. Kematian dalam peperangan bertujuan untuk membebaskan diri dari rantai kelahiran semula dan capai

Nirwana

**Idea ketenteraan Machiavaeli ( 10 Markah )**

**1.Cara Mengkalkan Kuasa :**

- Machiavelli menyatakan cara seseorang pemerintah mengekalkan kuasa. Seseorang pemerintah harus bersifat liberal, berperikemanusiaan dan mencintai kebenaran. Bagi mengekalkan kedudukan, pemerintah harus melakukan apa sahaja termasuk perbuatan keji dan tidak berperikemanusiaan.
- Menurut Machiavelli, matlamat menghalalkan cara. Raja harus bertindak tanpa ragu-ragu terhadap pengikut yang tidak jujur dan musuh.

**2. Memperkenalkan falsafah politik nasionalisme** yang menimbulkan kebencian, peperangan, imperialisme, sifat tamak, kejam tidak berperi kemanusiaan dan sbgnya. Kesannya lahir pemimpin raja2 bangsa yang tamak, zalim, gila kuasa, berlaku perang saudara dan sbgnya

**3. Melalui buku Art of War** – menekankan asas setiap Negara adalah undang-undang dan senjata yang baik. Seorang putera raja tidak harus ada sebarang objektif atau pemikiran melalui cara berperang, cara diorganisasikan dan disiplin. Banyak dipraktis di Perancis dan di Sepanyol pd abad ke 16M.

**4. Prinsip-prinsip utama dalam ketenteraan adalah spt berikut:**

- i. menghasilkan sebuah pasukan tentera yang berdasarkan berjalan kaki
- ii. mengutuk tentera yang bekerja semata-mata untuk wang
- iii. pasukan tambahan tidak sesuai untuk mentadbir
- iv. menolak pembinaan kubu kerana ia membawa kemusnahan
- v. malakukan perang yg agresif melalui kuasa berperang dengan senjata meriam dan askar berkuda

5. Menjelang abad ke 16 semua usaha untuk mendapat perlindungan mutlak di medan peperangan di hapuskan spt zmn tentera berkuda dan baju besi. Baju direka utk melindungi bahagian tubuh badan yang penting sahaja. Penekanan kpd senjata2 yang superior.

**6.Sokongan Rakyat :**

- Pemerintah baru harus mendapat sokongan daripada golongan penentang pada peringkat permulaan. Sokongan tidak berbelah bahagi akan diperolehi daripada mereka yang berpuas hati dengan pemerintah baru.

**7.Bantuan Luar :**

- Kejayaan dalam peperangan bergantung kepadakekayaan dan bantuan ketenteraan serta kewangan dari luar.

**Kesimpulan**

Kedua-dua idea ketenteraan ini mendapat sambutan dpd pemimpin sezaman mereka. Kedua-duanya memperkenalkan konsep idea ketenteraan yg saintifik dan mempunyai persamaan iaitu mengutamakan falsafah ‘matlamat menghalalkan cara”

Kautilya dan Niccolo Machiavelli merupakan antara pemikir ketenteraan yang memberi sumbangan dalam bidang ketenteraan. Tokoh-tokoh ini mengemukakan idea ketenteraan melalui karya mereka iaitu *Arthashastra* (Kautilya), *The Prince, Art of War* dan *Discourse* (Niccolo Machiavelli). Idea yang disarankan oleh tokoh-tokoh ini membantu pemerintah dalam usaha mengukuhkan kuasa dan melahirkan kerajaan yang mantap.

4. **Sistem ekonomi Eropah mengalami perubahan secara evolusi setiap zaman. Galurkan perkembangan sistem ekonomi Eropah dari zaman pertengahan sehingga zaman moden**

**Pendahuluan ( 3 Markah )**

**1.Konsep ekonomi**

- 2.Sebelum abad ke-11, sistem ekonomi di Eropah berasaskan kepada sistem feudal iaitu sistem minor. Melalui sistem ini, kegiatan pertanian merupakan aktiviti ekonomi yang utama. Hubungan perdagangan tidak berlaku dan semua pertukaran barang dan perkhidmatan berlaku hanya dalam kelompok masyarakat mereka sahaja.
3. Zaman Kemuncak Pertengahan (1050 hingga 1270) merupakan zaman permulaan berlakunya perubahan dari segi politik, ekonomi dan social. Dari segi ekonomi, perubahan yang paling penting ialah perkembangan aktiviti perdagangan

**Isi-isi Penting**

**A) Sistem ekonomi zaman pertengahan awal ( 7 Markah)**

- rakyat menyerahkan tanah dan diri mereka kepada tuan-tuan tanah ( Lords ). Sebahagian daripada tanaman diserahkan kepada lord. Mereka yang memegang tanah daripada tuan tanah disebut Lords Tenant\ Vassal
- .-sistem Feudalisme –hubungan peribadi antara lord dan vassal berasaskan kontrak tidak bertulis. Raja berkuasa mutlak dan berada kedudukan tinggi, dan diikuti count, manor dan serf- setiap orang mempunyai tanggungjawab bergantung kepada jenis tanah
- sistem manor - tanah dibahagi kepada beberapa ladang disebut manor dan ketuanya digelar Lord dan pekerjanya digelar petani.
- kaedah pertanian-sistem tanah lapang- untuk menjamin kesuburan tanah. Tanah dibahagikan kepada 3 bahagian untuk penanaman mengikut pusingan:
  - a)pusingan pertama(musim bunga)-tanaman oat dan bali
  - b)pusingan kedua(musim gugur)-tanaman gandum
  - c)pusingan ketiga-tanah rang dibiarkan kosong
- Dalam sistem manor kehidupan petani tertutup kerana keperluan hidup petani disediakan oleh institusi manor - tiada hubungan dagang dengan dunia luar dengan sistem pertukaran barang\barter diutamakan.

**B) Sistem ekonomi zaman kemuncak pertengahan ( 7 Markah)**

- Zaman berlakunya pemulihhan perdagangan dengan Timur Tengah dan perkembangan perdagangan Eropah Barat. Perang Salib –pertembungan Eropah dan Timur meningkatkan perdagangan .
- Asas ekonomi Eropah berpindah dari selatan ke utara. Zaman ini berlakunya pertambahan penduduk dan perkembangan Bandar-sebagai pusat pertanian dan pelabuhan untuk import \ekspor barang
- Bandar Eropah menyediakan hasil dari luar melalui hubungan dagang. Bandar Venice dan Genoa adalah Bandar terawal menyediakan barang dari timur. Marco polo orang Eropah melawat China.
- Bandar ini mengkhusus dalam pengeluaran barang yang membentuk rangkaian perdagangan contohnya Flemish , Hanseatic, Venetian dan Genoese.
- Pasar Champagne di Jerman pusat pertemuan perdagangan Flanders dan Italy. Pasar tempatan paling penting –Boston di timur England.
- Kehidupan pembandaran merintis kepada hak kerajaan –tuntutan rakyat dalam pentadbiran Bandar ,hak menjual barang secara bebas dan hak mencari nafkah hidup tanpa sekatan .Venice Bandar berdaulat – hak menghasilkan mata wang sendiri ,memeterai perjanjian dengan Bandar lain dan mengisyiharkan perang.

-Piagam Bandar –mendorong penubuhan persatuan dagang dan kesatuan tukang.

### C) Sistem ekonomi zaman moden awal ( 7 Markah)

-Zaman ini pertubuhan kekayaan dan asimilasi pelbagai budaya, tradisi dan nilai akibat kemasukan pedagang asing .Abad ke-16 dan ke-17,rajin menggalakkan perkembangan kapitalisme dan dasar ekonomi mekantalisme

**-Sistem kapitalisme** –menggalakkan pengumpulan modal, kebebasan ekonomi ,hak milik musim persendirian ,kebebasan pasaran dan perniagaan untuk keuntungan.

**-Sistem Mekantalisme-** menekankan kekayaan ,kekuasaan dan kebijakan.

Ciri-ciri mekantalisme adalah:

- a) mementingkan kekayaan-dipenuhi dengan dikuasai koloni dan mengadakan imbangan perdagangan yang memihak kepada negara induk
- b) mementingkan kekuasaan-dicapai dengan membesarangkan angkatan tentera ,memajukan perkapalan dan mengadakan akta perkapalan yang menafikan hak berdagang dikelola untuk kuasa asing.
- c) mementingkan kebijakan-dicapai dan dengan diluluskan yang dapat meningkatkan produktiviti negara antaranya- akta Aperantis 1563 dan undang-undang kemiskinan 1600.

-Perlaksanaan mekantilisme di England - pemerintahan keluarga Tudor

-pengenalan beberapa akta untuk melindungi sektor perindustrian, pertanian dan perkapalan England. Akta perintis 1563 akta perkapalan 1650 ,Poor Law Settlement Act 1662 dan Akta Makanan 1663.

-Zaman pelayaran keseberang laut - permulaan perluasan wilayah, penjajahan politik dan ekonomi. Penemuan kawasan-kawasan baru dan kemerosotan bandar-bandar Italy.

-Peranan institusi bank berubah. Gerakan Renaissance dan Reformation memperhebat pertumbuhan ekonomi Eropah serta pengaruh ajaran John Calvin.

**-Revolusi Perindustrian di England (abad ke 18)** - Penggunaan kaedah moden , peningkatan kadar urbanisasi, penduduk, hasil pengeluaran, pengumpulan modal, pengenalan tanaman baru, penggunaan teknik penanaman baru dan jentera, perkembangan industri tekstil, kemajuan bidang perkapalan\pengangkutan dll.

-Revolusi turut menghasilkan golongan kelas pertengahan dan kelas proletariat(rakyat jelata) serta menghapuskan dasar-dasar ekonomi yang menyekat kebebasan – contoh : pembubaran monopoli SHTI di China 1833.

-Mulai pertengahan kedua abad ke 18 M England menjadi asas perubahan politik, ekonomi, dan sosial di Eropah dan dunia.

### Kesimpulan

-Menjelang kurun 15 hingga 19 dunia didominasi oleh kuasa Eropah.

-Dasar ekonomi kapitalisme dan mekantalisme - kejayaan meluaskan pengaruh dan kekuasaan ke seluruh dunia.

5. Bincangkan faktor-faktor penjelajahan dan penerokaan Christopher Columbus serta sumbangannya.

**Pengenalan (3 markah)**

1. Definisi penjelajahan dan penerokaan.

Penjelajahan dan penerokaan bermaksud aktiviti mengelilingi sesuatu tempat untuk tujuan memuaskan perasaan ingin tahu, penyelidikan, perdagangan, mengembangkan agama, keselamatan, kuasa politik, penjelajahan atau tujuan-tujuan lain.

**2. Latar belakang Christopher Columbus**

- i. Lahir di Bandar Genoa, Itali pada tahun 1451 Masihi
- ii. Menjadi kelasi ketika berusia 19 tahun dan telah belayar dari Itali ke England melalui Gibraltar.

**Isi-isu Penting**

**A. Faktor Penjelajahan dan Penerokaan Christopher Columbus (4 isi X 3 Markah)**

**1. Dipengaruhi oleh buku-buku Marco Polo**

- Hasil daripada penulisan buku-buku pelayaran Marco Polo menyebabkan Columbus berminat dan terpengaruh dengan kisah tersebut serta berhasrat untuk belayar ke China dan Jepun melalui jalan

**2. Mendapat sokongan Raja Sepanyol, Ferninand dan Isabella**

- Christopher bercita-cita mencari jalan laut ke India. Dengan bantuan daripada Raja Portugal iaitu Raja John II yang sangat meminati bidang pelayaran, maka Christopher telah membuat segala persiapan untuk pelayaran selama beberapa bulan.
- Namun begitu, pada tahun 1484, Columbus gagal mendapat sokongan daripada Raja Portugal, John II untuk memulakan pelayaran yang bersifat percubaan.
- Oleh sebab berasa kecewa, Columbus meminta Raja Ferdinand dan Ratu Isabella dari Sepanyol menyokong rancangannya. Raja Ferdinand dan Ratu Isabella memberi galakan dan dorongan serta peruntukan kewangan kepada Columbus untuk mengadakan pelayaran dengan syarat sebarang kawasan baru yang ditemukan oleh Columbus harus menjadi milik Sepanyol.

**3. Dilantik sebagai wizurai tanah jajahan**

- Ferdinand dan Isabella berjanji untuk menjadikan Columbus sebagai wizurai untuk tanah jajahan baru dan memberikan satu persepuhlus dariapda nulai perdagangan yang bakal disumbangkan oleh petempatan baru tersebut.

**4. Melaksanakan cita-citanya iaitu “Emas”, “Tuhan” dan “Cathay”**

- Emas – mendapat kekayaan, rempah dan sutera
- Tuhan – menyebarkan Kristian di negara bukan Kristian yang menjadi motif orang Eropah pada abad ke15
- Cathay – nama purba negara China

5. Ingin menguji teorinya yang dunia ini bulat sebagaiman pendapat sarjana abad ke-15 yang menyatakan dunia ini rata.

- Pendapat ini berdasarkan pendapatnya pelayaran seharusnya menuju ke arah barat iaitu mengelilingi glob.

#### 6. Mendapat pendidikan formal tentang ilmu pelayaran

- Columbus mendapat pendidikan formal di sebuah sekolah pelayaran di Sagres, Portugal.
  - Melalui sekolah tersebut, Columbus dide dahkan dengan ilmu geografi dan ilmu pelayaran termasuklah membaca kompas, peta, tentang lautan, garisan lintang dan bujur.
  - Hal ini membolehkan Columbus memulakan pelayaran ke Timur melalui Lautan Atlantik.

### A.Sumbangan Christopher Columbus dalam Penjelajahan dan Penerokaan (4 Isi X 2 Markah)

#### 1. Penemuan dan pembukaan wilayah-wilayah baru.

##### i. Penemuan Kepulauan Bahamas di Laut Caribbean.

- Pada bulan Oktober, 1492, Columbus telah berjaya menemui daratan dan mengisyiharkan sebagai tanah milik Sepanyol.
  - Columbus telah membuat andaian bahawa daratan tersebut ialah India.
  - Oleh itu, Columbus telah menamakan penduduk peribumi di kawasan tersebut sebagai Red Indian atau India Merah kerana warna kulit puak tersebut berwarna merah.
  - Kawasan tersebut sebenarnya dikenali sebagai San Salvador di Bahamas yang terletak di Laut Caribbean.
  - Columbus kemudiannya meneroka pantai Cuba dan Hispaniola.

##### ii. Penemuan dan pembukaan wilayah-wilayah barupulau-pulau Dominica, Puerto Rico dan Jamaica.

- Antara tahun 1493 M – 1504 M (pelayaran kedua), Columbus telah belayar sebanyak tiga kali dan telah menemukan pulau-pulau Dominica, Puerto Rico dan Jamaica.
- Namun begitu, beliau gagal menemukan apa yang dicita-citakannya iaitu timbunan emas.

##### iii. Penemuan Trinidad

- Dalam pelayaran ketiga pada tahun 1498, Columbus telah berjaya menemukan Trinidad.
- Nasib malang telah menimpa Columbus apabila ditangkap dan dihantar pulang ke Sepanyol.

##### iv. Penemuan Benua Amerika

- Dalam tahun 1492 M – 1494 M iaitu dalam pelayaran yang terakhir, Columbus meneroka pantai timur Amerika Tengah dari Honduras ke Panama.

#### 2. Penemuan jalan perhubungan antara benua Eropah dengan benua Amerika melalui Atlantik.

- Dengan menggunakan Lautan Atlantik ini, Columbus merintis jalan penjelajahan laut ke kawasan lain oleh pelayar-pelayar seterusnya.

#### 3. Penyebaran agama Kristian di Amerika Latin

- Menubuhkan gereja membawa kepada misi penyebaran agama Kristian.

**4. Menjadi perintis kepada aktiviti penjelajahan dan penerokaan bangsa Sepanyol.**

- Contohnya, Ferdinand Magellan, Amerigo Vespucci, Hernando de Soto.
- Hernando de Soto berjaya mendarat di Florida pada 1539 M dan meneroka kawasan di Alabama, Mississippi dan Arkansas.
- Ferdinand Magellan melakukan pelayaran hingga ke Asia melalui Lautan Pasifik.

**5. Meluaskan tanah jajahan Sepanyol**

- Berjaya meluaskan ketuanan Sepanyol di San Salvador di Bahamas, Cuba dan Hispaniola.

**Kesimpulan ( 2 Markah )**

1. Christopher telah membuka jalan penjelajahan bangsa barat ke seluruh dunia terutama ke Timur
2. Penjelajahan beliau telah mendorong banyak lagi siri penjelajahan.

6. Athens dan Sparta merupakan dua buah negara kota yang terkenal di Yunani. Bandingkan sistem pemerintahan kedua-dua negara tersebut.

**Pendahuluan (3 markah)**

**1. Konsep Negara Kota**

- perkataan Civitas dalam bahasa Latin dan Greek yang bermaksud kota atau bandar
- Negara kota juga dikenali sebagai negara bandar yang berasal dari dua perkataan negara dan kota.
- Semua negara kota terletak di sebuah kota yang tetap dan mempunyai organisasi yang menguruskan dan menjalankan peraturan dalam sesebuah masyarakat.
- Setiap Negara kota mempunyai beberapa ciri seperti wilayah, penduduk, pemerintah, undang –undang dan kedaulatan.

**2. Latarbelakang Kota Athens**

- Negara Kota Athens muncul antara tahun 800-500 S.M.
- Pemerintahan Kota Athens adalah bercorak monarki. Rakyat mula memberontak dan mengguling Raja Athens pada tahun 700 S.M kerana pemerintahan yang berbentuk kuku besi.
- Pada tahun 500 S.M , wakil rakyat dipilih dan demokrasi mula diamalkan di Athens.

**3. Latarbelakang Kota Sparta**

- Pemerintahan Kota Sparta bersifat ketenteraan. Rakyat Sparta diterapkan dengan prinsip bahawa warganegara harus mengorbankan diri untuk mempertahankan kedaulatan dan kebebasan negara mereka

**Isi Jawapan (20 markah)**

**A) ATHENS (10 markah)**

**1. SISTEM PEMERINTAHAN**

- mengamalkan sistem pemerintahan republik yang berkONSEP demokrasi
- warganegara lelaki boleh mengundi dan menjadi pemimpin bagi tempoh enam hingga setahun.
- Wanita dan hamba tidak boleh mengundi dan menjadi pemimpin kerana tidak diiktiraf sebagai warganegara.
- Sistem pemerintahan dikendalikan oleh tiga buah badan utama iaitu Dewan Perhimpunan, Majlis dan Majistret/Juri.

**2. BENTUK PENTADBIRAN**

**i. Dewan Perhimpunan**

- dianggotai oleh warganegara lelaki berumur 21 tahun ke atas .
- tempat dasar –dasar kerajaan dibincangkan termasuk menggubal undang- undang dan polisi serta membincangkan hal – hal ekonomi seperti percukaian.12
- bertanggungjawab melantik pentadbir – pentadbir Negara dan ahli – ahli Majlis.
- bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan kehakiman di Athens.
- Dewan ini bersidang sebanyak 40 kali setahun dan tiga kali sebulan.

**ii. Majlis**

- jawatankuasa yang mengendalikan urusan yang telah diputuskan oleh Dewan Perhimpunan.
- Mempunyai 500 orang ahli dan kebanyakannya terdiri daripada golongan Archon( bangsawan) yang merupakan golongan berada dan melaksanakan pemerintahan bercorak tyrant (mutlak)
- bertanggungjawab membincangkan dan melaksanakan hal – hal seperti polis dan Percukaian.
- Dalam majlis ini pegawai terdiri daripada 10 jeneral yang berkuasa besar.

### 3. SUMBER PERUNDANGAN

#### ***Majistret dan Juri***

- terdiri daripada kakitangan kerajaan dan bertanggungjawab dalam menguatkuasakan dasar yang telah diputuskan oleh Dewan Perhimpunan
- ahli dalam badan ini dipilih oleh Dewan Perhimpunan dan mereka terdiri daripada pembanci, pengutip cukai dan pendidik
- Juri merupakan ahli Dewan Perhimpunan dan jumlah juri bagi setiap kes bergantung pada jenis kesalahan.
- juri menjadi pemutus bagi sesuatu kes dan pihak yang bersalah tidak berpeluang untuk merayu.
- Pegawai yang terbabit dalam kesalahan akan dibuang negeri selama 10 tahun. Amalan ini dikenali sebagai ostracism.

#### ***B) SPARTA (10 markah)***

##### **1. SISTEM PEMERINTAHAN**

- Negara Kota Sparta mengamalkan pemerintahan bersifat authoritarian ( kuku besi )
- Pemerintahan ini juga dikenali dikenali sebagai monarki terhad dan oligarki.
- Sistem pemerintahan Negara kota Sparta diwakili oleh 2 orang raja yang dilantik untuk seumur hidup, Dewan Perhimpunan, Majlis Orang Tua dan Ephors.
- Kedua-dua raja yang dilantik ini adalah daripada keluarga yang bersaing.
- Tujuan perlantikan dua orang raja ini adalah supaya setiap seorang akan menyemak yang lain.

##### **2. BENTUK PENTADBIRAN**

###### **i. Dewan Perhimpunan/Appela**

- Ahli terdiri dari semua kaum lelaki(10 ribu orang) yang berusia lebih 30 tahun. Keahliannya tidak termasuk kaum wanita, helots dan periokai.
- Dewan ini mempunyai beberapa tanggungjawab termasuk dalam membentuk Majlis Orang Tua
- Kebenaran/persetujuan Dewan ini juga perlu jika pemerintah ingin mengubah undang-undang Sparta.
- Dewan ini juga hanya boleh membincangkan perkara yang dimajukan kepadanya oleh Majlis Orang Tua atau Ephros.
- Dewan ini juga mempunyai kuasa untuk meluluskan dan membatalkan cadangan-cadangan Majlis Orang Tua dan bertanggungjawab dalam melantik pegawai-pegawai awam kecuali raja.

###### **ii. Majlis Orang Tua**

- Majlis ini dilantik oleh Dewan Perhimpunan
- Bertanggungjawab untuk menyelia kerja-kerja pentadbiran, menyediakan cadangan-cadangan untuk dimajukan kepada Dewan Perhimpunan.
- Bertindak sebagai mahkamah tertinggi untuk mengendalikan kes-kes jenayah.
- Keahliannya seramai 28 orang bangsawan yang berusia lebih dari 60 tahun, termasuk 2 orang raja.

###### **iii. Ephors.**

- Terdiri daripada lima orang pegawai.
- Paling berkuasa dan merupakan kerajaan sebenar.
- Institusi ini dipilih untuk mentadbir selama setahun
- Kuasanya mengatasi Dewan perhimpunan dan Majlis.
- Berperanan mengawasi sistem pendidikan, pengagihan kekayaan, kehidupan rakyat dan mempunyai kuasa veto ke atas semua perundangan
- Menjalankan hukuman di hadapan Majlis dan menyingkirkan raja.

**Kesimpulan(2 markah)**

1. Sistem pemerintahan di Athens dan Sparta sememangnya menunjukkan perbezaan yang ketara. Institusi Ephors merupakan badan pentadbir paling berkuasa di Sparta manakala di Athens kuasa utama terletak di tangan Dewan perhimpunan.
2. Walaubagaimanapun kedua-dua Negara kota ini dapat mengekalkan keamanan dan keselamatan rakyatnya.

7. **Kewujudan Organisasi Sosial di Lembah Indus dan China agak unik berbanding dengan tamadun-tamadun lain. Bincangkan ciri-ciri Organisasi Sosial kedua-dua tamadun berkenaan bagi membuktikan pencapaian ketamadunan masyarakat tersebut.**

**Pengenalan ( 3 Markah)**

1. Organisasi sosial merujuk kepada pembahagian anggota masyarakat kepada beberapa lapisan sosial yang mempunyai perbezaan dari segi kuasa kekayaan ,gaya hidup, pekerjaan ,dan sebagainya. Melvin Tumin menyatakan organisasi sosial merujuk kepada penyusunan kelompok masyarakat dalam satu lapisan kedudukan yang berbeza dari segi kuasa, harta ,penilaian sosial, dan kepuasan rohani.
2. Kewujudan organisasi sosial sememangnya dapat dikesan sejak Zaman Neolitik berikutnya berlakunya perubahan cara hidup masyarakat yang mula melibatkan diri dalam kegiatan pertanian yang telah menimbulkan pelbagai kelas dalam masyarakat sama ada pemerintah dan paderi yang menggunakan autoriti dan kuasa agama untuk menguasai hasil ekonomi negara diikuti munculnya golongan tentera untuk melindungi kekayaan dan kepentingan negara serta kelas yang paling bawah biasanya petani dan hamba yang bertanggungjawab mengeluarkan hasil- hasil ekonomi negara.
3. Pendek kata, dengan wujudnya organisasi sosial dalam sesebuah masyarakat amalan pengkhususan kerja dapat diamalkan seterusnya pasti membawa kepada kelancaran melaksanakan sesuatu aktiviti termasuk kegiatan ekonomi.
4. Lokasi Tamadun Indus dan China boleh dikemukakan.

**Isi-isi penting.**

**A) Organisasi sosial di Lembah Indus dan kepentingannya ( 10 Markah )**

**1. Golongan Pendeta**

- Disebabkan tidak adanya sistem pemerintahan beraja, maka tugas-tugas pemerintahan dan pentadbiran negara dipikul atau diamanahkan kepada golongan pendeta yang dianggap golongan yang suci serta mempunyai hubungan yang paling rapat dengan tuhan ataupun dewa.
- Dari segi pentadbiran dan perundangan misalnya, golongan pendeta bertanggungjawab menggubal serata melaksanakan peraturan dan undang –undang yang pada amnya lebih bersifat keagamaan berdasarkan kitab-kitab suci mereka.
- Golongan ini juga mempunyai pengaruh yang besar dalam bidang ekonomi, kerana institusi agama(kuil)mempunyai tanah-tanah pertanian yang luas akan dikerjakan oleh golongan petani ataupun hamba.
- Golongan ini juga bertanggungjawab mengagihkan hasil-hasil pertanian yang dikumpulkan dalam jelapang.
- Dari segi sosial pula, tanggungjawab kebajikan yang dipikul oleh golongan ini ialah menyediakan kemudahan infrastruktur seperti pembinaan jalan raya.

**2. Golongan Pedagang**

- Merupakan satu lagi kelas yang diletakkan dalam kategori kelas atasan dalam masyarakat di lembah Indus. Golongan ini sebagaimana golongan pendeta hidup dalam keadaan mewah dan mempunyai pekerja-pekerja yang terdiri sama ada golongan buruh yang merdeka atau hamba.
- Golongan ini dapat menjalani kehidupan yang mewah kerana urusan perdagangan yang dijalankan oleh mereka adalah bebas , iaitu tiada campur tangan golongan pendeta serta dikecualikan daripada membayar cukai.
- Para pedagang ini juga mempunyai cop-cop mohor yang mempunyai lambang bercorak keagamaan yang menandakan kekayaan yang dimiliki serta dipercayai menjadi azimat yang ada kuasa sakti

### **3. Golongan bawahan**

- Sebagaimana yang dinyatakan diawal tadi, golongan bawahan masyarakat dilembah Indus terdiri daripada golongan petani,buruh dan hamba
- Golongan petani biasanya tinggal dirumah-rumah keci ataupun yang disediakan oleh golongan pedagang, biasanya rumah tersebut hanya mempunyai 2 buah bilik.
- Segala kerja pertanian yang dijalankan oleh golongan petani akan diawasi oleh para pendeta.
- Sementara golongan buruh pula biasanya akan menjalani tugas-tugas seperti menghantar bijirin, membina tembok, dan menenun kain.
- Manakala kerja-kerja seperti mengumpul, menyimpan bijirin yang dihasilkan oleh petani dijalankan oleh hamba.

### **4. Kedudukan Organisasi Sosial selepas kedatangan orang-orang Aryan**

- Dengan kedatangan orang-orang Aryan sistem sosial masyarakat di sini kini dipengaruhi oleh sistem kasta. Sistem ini mengklasifikasikan penduduk mengikut pekerjaan mereka.
- Golongan yang paling tinggi dalam masyarakat dikenali sebagai Brahman yang berurusan dalam soal keagamaan serta spiritual dan mempunyai pengaruh yang besar dalam bidang politik dan pemerintahan
- Golongan kedua pula kastria yang bertanggungjawab pula menjalankan tugas-tugas ketenteraan seperti memberikan perlindungan kepada Brahman dan menghadapi musuh tatkala diancam
- Seterusnya pula golongan Vaisya yang biasanya dirujuk kepada golongan yang mempunyai kekayaan khasnya golongan pedagang
- Manakala kasta yang paling rendah di antara 4 kelas ialah sudra iaitu biasanya merujuk kepada golongan petani
- Kasta- kasta yang diamalkan di sini amat rigid, menyebabkan pergaulan antara kelas atasan dan bawahan adalah amat terbatas

## **B) Organisasi sosial masyarakat China ( 10 Markah)**

### **1. Golongan raja**

- Merupakan kelas tertinggi dalam masyarakat China, merupakan sumber kekuasaan dan mempunyai 'supreme authority' sebagaimana peranan firaun di Mesir.
- Antara tugas raja di China ialah menjadi sumber undang-undang negara; segala arahan dan perintah raja mesti dilaksanakan ,menjadi ketua agama, ketua kerajaan dan hakim ,mengetuai upacara agama, melantik ketua pelbagai jenis agama dan kepercayaan, dan juga melantik pegawai pentadbir untuk melicinkan struktur pentadbiran
- Seseorang yang dilantik menjadi raja dipercayai mendapat mandat dari tuhan atau syurga seandainya berlaku bencana alam seseorang raja itu harus ditukar sama ada secara baik ataupun melalui pemberontakan
- Pun begitu kebanyakan tugas raja dijalankan oleh wakil-wakilnya atas nama baginda, biasanya golongan aristokrat atau bangsawan dalam masyarakat China.

### **2 .Golongan Aristokrat**

- Merupakan pembantu utama raja, dan mempunyai pengaruh yang amat besar dalam sistem politik dan sosial masyarakat China
- Pada zaman dinasti Shang, golongan ini memonopoli penggunaan gangsa dalam bentuk alat2 ritual dan senjata
- Sesuai dengan tarafnya, golongan ini membina rumah kediaman berhampiran rumah ibadat yang biasanya dikelilingi oleh tembok sebagai langkah keselamatan
- Pada zaman Dinasti Chao golongan ini amat berpengaruh, mempunyai banyak pengikut serta tanah-tanah yang dikerjakan oleh petani sesuai dengan sistem feudal yang diamalkan pada masa itu

### 3. Golongan yang diperintah

- Dari segi pekerjaan masyarakat China dapat dibahagikan kepada 4 kelas, kelas yang tinggi darjatnya ialah golongan cerdik pandai yang berperanan memberi nasihat kepada raja dan masyarakat berhubung dengan pentadbiran serta tingkah laku
- Sesuai dengan penguasaannya dalam ilmu-ilmu tertentu, maka tidak hairanlah golongan ini terlalu dipuja oleh masyarakat
- Golongan inilah yang bertanggungjawab memperkenalkan pelbagai aliran pemikiran di China seperti confuciunisme, taoisme, legalisme, moisme, dan monciusme.
- Golongan yang kedua terpenting dalam masyarakat china yang menjadikan organisasi di sini agak unik ialah petani. Mereka dianggap kumpulan mulia kerana membekalkan makanan yang merupakan asas kepada kehidupan manusia.
- Kelas seterusnya ialah golongan artis @ tukang-tukang yang mahir yang bertanggungjawab menghasilkan monumen – monumen tertentu.
- Akhir sekali dalam kelas masyarakat ini ialah golongan pedagang yang diletakkan di tangga terbawah kerana mereka di anggap penipu serta mengaut keuntungan daripada rakyat, tidak seperti kawasan lain tetapi tidak dipandang tinggi oleh masyarakat.
- Bagi masyarakat china selain pedagang dipandang rendah satu lagi kumpulan yang lebih hina kedudukannya iaitu terdiri daripada pelakon, pelacur serta hamba tidak mempunyai tempat di sisi masyarakat.
- Ditinjau dari aspek kekeluargaan pula golongan pembesar dan kerabat diraja pula tidak dibenarkan berkahwin lebih dari seorang perempuan. Golongan wanita mempunyai kedudukan yang lebih rendah daripada lelaki, hanya lelaki mempunyai kuasa menceraikan isteri

### Kesimpulan : Apa-apa yang berkaitan ( 2 Markah )

- Mana- mana yang sesuai.

**8 Bandingkan ciri-ciri senibina Tamadun Islam dan Tamadun Rom**

**Pengenalan ( 3 markah )**

**1. Konsep seni bina**

- i. Maksud seni bina ialah kecekapan merancang dan membuat bangunan yang indah sesuai dengan maksud dan tujuan.
  - ii. Seni bina melibatkan peralatan, kekuahan dan memberi kesenangan dan keselesaan kepada pemilik .
2. **Latar belakang seni bina Rom** - dipengaruhi oleh seni bina Etruscan dan Yunani.
  3. **Latar belakang seni bina Islam** bermula sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w dengan pembinaan masjid Quba dan Nabawi. Bidang seni semakin berkembang bermula pada zaman Khalifah Umar al Khattab .

**Isi-isi ( 5 isi x 4 markah = 20 markah )**

**1. Tujuan**

**Seni bina Islam**

- menitik beratkan keseimbangan pembangunan aqidah, syarak dan akhlak. Penekanannya kepada fungsinya, iaitu untuk pembangunan insaniah (rohani, jasmani dan aqidah).
- Dan bukan bertujuan untuk menunjukkan kebesaran dan kemegahan .
- Oleh itu , senibina Islam mempunyai bentuk yang sederhana dan menitik beratkan aspek kegunaan.

**Seni bina Rom**

- Bertujuan untuk memperkuuhkan empayar dan pemujaan kepada Maharaja.
- Ciri-ciri bangunan dan hiasan ukirannya melambangkan kejayaan dan kehebatan Maharaja.
- Ini menyebabkan maharaja-maharaja yang memerintah Rom berusaha membina bangunan yang besar. Bangunan Colosseum melambangkan kehebatan pemerintah Vespasian (Tahun 69M).

**2. Kegunaan**

**Seni bina Islam**

- mementingkan aspek fungsi setiap bangunan.Ruang dan hiasan seni bina masjid , institusi pendidikan(Darul Hikmah) dan bangunan awam yang lain diselaraskan dengan fungsinya. Sebagai contoh, seni bina masjid juga mengambil kira kegunaannya sebagai pusat ibadat,aktiviti kemasyarakatan dan pusat pengajian.

**Senibina Rom**

- juga menekankan aspek utilitarian ( kegunaan ) dengan membina bangunan awam untuk kemudahan dan kegunaan orang ramai.
- Bangunan Coloseum merupakan sebuah teater atau gelanggang untuk pelbagai permainan.Bangunan ini boleh mengisi penonton seramai 50,000 orang.
- Seni bina awam yang lain ialah sarkas, kolam mandi dan saluran air (akuadak).

### 3. Keselesaan

#### Seni bina Islam

- menekankan ruang dalam bangunan yang selesa . Masjid dibina mempunyai ruang untuk kemasukan cahaya dan pengudaraan untuk keselesaan beribadah.
- Sementara itu, seni bina rumah kediaman, mempunyai ruang bersifat persendirian dan memisahkan kaum lelaki dan wanita

#### Seni bina Rom

- Bangunan-bangunan Rom juga mengambil kira aspek keselesaan.
- Kebanyakan bangunannya besar dan luas. Bangunan Colosseum mampu menampung 50,000 orang penonton untuk menyaksikan perlumbaan kereta kuda.

### 4. Struktur binaan

#### Seni bina Islam

- Dalam senibina Islam, bangunan yang dibina kukuh dan selamat untuk masa yang lama. Masjid-masjid yang dibina di zaman Bani Umayyah dan Abassiyah menggunakan teknologi tinggi dan dapat bertahan ribuan tahun. Bahan binaannya ialah seperti batu-bata dan besi.

#### Seni bina Rom

- Bangunan-bangunan awam di Rom kebanyakannya dibina dengan menggunakan batu-bata dan konkrit yang kukuh. Bahan konkrit telah menjadi bahan yang standard dalam pembinaan Aqeduct.

### 5. Kekemasan bangunan.

#### Seni bina Islam

- Seni bina Islam di Tanah Arab mementingkan kemasan bangunan untuk memperlihatkan nilai estetika .
- Pembinaan masjid di zaman Bani Umayyah telah dihiasi dengan kemasan dalaman yang berharga .
- Masjid Umayyi telah dihiasi dengan tiang marmar dan lampu yang hiasan menarik.
- Khalifah al-Walid telah menyempurnakan pembinaan masjid Al Aqsa dengan hiasan batu permata kuning dan hijau. Jubin merupakan hiasan yang terkenal di zaman Abbasiah.
- Kepingan jubin merupakan hiasan yang terkenal di zaman Abbasiah. Kepingan jubin yang berkilat dan berwarna-warni digunakan untuk menghiasi mihrab, dinding masjid dan bumbung istana.

#### Senibina Rom

- sama juga dengan seni bina Islam dihiasi dengan kemasan marmar dan mozek.
- Bangunan Pantheon yang dibina oleh Maharaja Hadrian (125M) telah diperkenalkan dengan hiasan mozek dan lapis dinding daripada batu marmar.

### 6. Reka bentuk

#### Seni bina Islam

- Melambangkan ketiaatan kepada Allah.
- Bercirikan luahan perasaan , keamanan dan tidak bertentangan dengan kerohanian.
- Reka bentuk masjid dilengkapi dengan mihrab , kubah dan menara.
- Kebanyakan kubah berbentuk oval dan melengkung

- Bulan sabit dan bintang menjadi lambing kesenian islam di puncak masjid dan istana

**Seni bina Rom**

- Dipengaruhi seni bina Yunani dan Asia.
- Bangunannya terdiri daripada binaan pintu gerbang , bumbung yang melengkung , arked , kubah , tiang dan bangunan bandar.
- Pantheon merupakan sebuah kuil berbentuk kubah yang tidak disokong oleh tiang

**7. Hiasan tulisan dan Ukiran**

**Seni bina Islam**

- Bahagian dalam dihiasi dengan ukiran yang tidak bertentangan dengan akidah dan akhlak Islam.
- Tulisan khat dan corak awan larat menjadi motif ukiran yang terkenal.
- Masjid Suriah dihiasi dengan ukiran khat ayat al-Quran yang indah

**Seni bina Rom**

- Bangunan dihiasi dengan ukiran potret dan ukiran timbul
- Zaman Augustus dan Claudius , tempat pemujaan , tiang bangunan dan pintu gerbang dihiasi dengan ukiran timbul potret yang menggambarkan kemenangan dan pencapaian Rom.
- Antara ukiran bangunan ialah Imperial Processions dan Spoils From The Temple In Jurusalem.

**Kesimpulan ( 2 markah )**

\* Apa sahaja yang berkaitan

## BAHAGIAN B : TAMADUN ISLAM

### 9.BANDINGKAN CIRI-CIRI MASYARAKAT ARAB PADA ZAMAN JAHILIYAH DENGAN MASYARAKAT ISLAM PADA ZAMAN NABI MUHAMMAD SAW DI SEMENANJUNG TANAH ARAB.

#### A. PENGENALAN (3 Markah)

##### 1. Zaman Jahiliyah

Zaman Jahiliyah merujuk kepada masyarakat di Semenanjung Tanah Arab. Mereka hidup pada zaman kegelapan tanpa berpandukan ajaran wahyu dan mengamalkan nilai akhlak yang buruk. Jahiliyah bermaksud jahil atau bodoh berasal daripada perkataan Arab "jahlun", "jahalatun". Zaman ini berlaku 300 tahun sebelum kelahiran Nabi Muhammad SAW iaitu bermula daripada kejatuhan empangan Maa'rib sehingga kedatangan Islam.

##### 2. Perkembangan masyarakat Islam zaman Nabi Muhammad saw

Nabi Muhammad saw telah dilantik menjadi rasul semasa baginda berumur 40 tahun. Dakwah Islam berlangsung selama 13 tahun di Mekah dan 10 tahun di Madinah. Selama 23 tahun, Islam telah berkembang dan masyarakat Islam berjaya dipimpin oleh Nabi Muhammad saw di bawah pentadbiran Negara Islam Madinah.

#### B.ISI-ISI PENTING (5 Isi X 4 Markah = 20 Markah)

##### 1. Kepercayaan

- a) Majoriti masyarakat Arab Jahiliah menganut agama menyembah berhala. Pada asalnya mereka ialah pengikut ajaran Hanif tetapi ajaran ini diselewengkan dengan menganggap berhala sebagai perantaraan antara manusia dengan Tuhan. Pada masa ini Mekah berperanan sebagai pusat penyembahan berhala. Agama lain yang dianuti ialah ajaran animisme, Sabiah, Majusi, Nasrani dan Yahudi. Masyarakat pada masa ini juga terikat dengan kepercayaan karut.
- b) Masyarakat Islam pada zaman ini mempunyai keimanan yang kukuh. Orang Ansar secara rela telah memeluk ajaran Islam. Nabi telah melantik guru-guru agama untuk memperkuatkannya akidah dan amalan mereka. Di samping itu, nabi telah menjalankan dasar kebebasan beragama terutama ke atas masyarakat Yahudi dan mereka diberi kebebasan beribadat. Majoriti golongan Arab Madinah menerima agama Islam.

##### 2. Hubungan masyarakat

- a) Masyarakat Jahiliah hidup terpisah dalam kabilah dan bani masing-masing. Setiap individu mempunyai ketiaatan kepada kabilah dan sangat prejedis kepada kabilah yang lain. Semangat ini juga menyebabkan mereka memihak kepada kabilah tanpa mengira sama ada mereka berada dalam keadaan benar atau salah. Ini telah menimbulkan masalah permusuhan antara kabilah berleluasa.
- b) Masyarakat Islam Madinah berjaya membentuk sebuah masyarakat ummah Islamiyah tanpa mengira kaum dan suku. Kesetiaan kepada kaum tidak lagi wujud dan digantikan dengan ikatan persaudaraan Islam. Contohnya, Nabi berjaya mempersaudarakan orang Ansar dengan Muhajirin.

##### 3. Peperangan

- a) Permusuhan antara suku atau kabilah telah membawa peperangan di kalangan masyarakat Arab Jahiliah. Peperangan ini dikenali sebagai Ayyamul Arab. Perang balas dendam sering berlarutan. Contohnya, Perang al- Basus berlarutan selama 40 tahun.
- b) Persaudaraan Islam telah berjaya menamatkan permusuhan di kalangan golongan Ansar iaitu suku Aus dan Khazraj. Sebelum memeluk Islam mereka terlibat dalam peperangan Al- Buath kerana merebut kepimpinan Kota Madinah. Peperangan yang wujud di zaman Islam merupakan satu langkah mempertahankan agama, masyarakat dan Negara Islam daripada ancaman musuh terutama serangan orang Quraisy Mekah dan pengkhianatan orang Yahudi.

#### **4. Kelas masyarakat**

- a) Masyarakat Jahiliyah mementingkan kelas dalam masyarakat. Golongan bangsawan merupakan golongan tertinggi dan dipandang mulia. Dalam masyarakat Arab Jahiliyah amalan perhambaan berlaku secara meluas. Mereka tidak mempunyai hak ke atas diri sendiri. Mereka dikehendaki berkhidmat kepada tuan mereka. Perdagangan hamba berlaku secara meluas. Kekejaman ke atas para hamba berlaku sekiranya para hamba tidak mengikut kehendak mereka.
- b) Dalam masyarakat Islam menitik beratkan konsep persamaan taraf. Semua manusia dianggap sama taraf di sisi Allah. Kemuliaan manusia berdasarkan kepada ketakwaanya kepada Allah. Manusia tidak dibezakan mengikut kekayaan atau pangkat mereka.

#### **5. Kedudukan wanita**

- a) Masyarakat Arab Jahiliyah memandang rendah kepada golongan wanita. Fungsi mereka hanyalah sebagai alat kepada kaum lelaki. Mereka dianggap sebagai barang dagangan dan ada di kalangan mereka yang kematian suami, menjadi rebutan anak-anak lelaki suami mereka. Keadaan ini menyebabkan suku bani Tamim telah menanam bayi perempuan bagi mengelakkan mereka dipandang rendah.
- b) Nabi mengajar masyarakat Islam di Madinah memandang mulia golongan wanita. Mereka perlu dipelihara maruah dan kebajikan mereka. Kaum wanita memainkan peranan yang sama pentingnya dengan golongan lelaki.

#### **6. Akhlak**

- a) Masyarakat Arab Jahiliyah mengamalkan nilai akhlak yang buruk seperti berzina, melacur, membunuh, minum arak dan berjudi. Nilai ini telah sebatи dengan kehidupan mereka.
- b) Islam menekankan akhlak mulia. Bermula dengan perjanjian Al- Aqabah 1 masyarakat Madinah berjanji tidak akan menipu, berzina, dan membunuh. Nabi Berjaya mengikis segala amalan akhlak yang buruk di kalangan orang Islam di Madinah.

#### **7. Politik**

- a) Sistem politik dan pentadbiran adalah tidak seragam. Kerajaan yang wujud lebih bersifat monarki dan terletak di bawah kuasa asing seperti Parsi dan Rom. Masyarakat golongan Badwi mengamalkan sistem politik kabilah masing-masing. Sementara itu, masyarakat kota Mekah menjalankan sistem politik kabilah.
- b) Kerajaan Islam Madinah wujud berasaskan perlombagaan Madinah. Undang- undang utama yang digunakan ialah Al- Quran. Segala keputusan negara dilakukan melalui konsep syura. Masjid menjadi institusi yang penting dalam kerajaan Madinah.

#### **8. Nilai-nilai positif**

Dalam masyarakat Jahiliyah terdapat nilai-nilai positif seperti menghormati tetamu, berpegang teguh kepada janji, memberi perlindungan kepada nabi Muhammad SAW. Dalam masyarakat Islam nilai-nilai ini diperkuuhkan selaras dengan nilai-nilai Islam.

#### **9. Pendidikan dan ilmu pengetahuan**

Masyarakat Arab Jahiliyah tidak tahu membaca dan menulis. Berdasarkan catatan sejarah, dikatakan hanya 17 orang sahaja yang tahu membaca dan menulis. Masyarakat Arab Jahiliyah tidak dapat membina semula empangan Maarib selepas runtuh. Masyarakat Islam pula menitikberatkan ilmu pengetahuan. Wahyu pertama menekankan aspek membaca atau mempelajari ilmu pengetahuan. Kesannya, masyarakat Islam lahir sebagai masyarakat yang berilmu pengetahuan.

#### **10. Amalan ekonomi**

Amalan ekonomi masyarakat Arab berdasarkan amalan riba, penindasan, dan kezaliman. Mereka sering menindas golongan miskin, menipu dalam sukatan dan timbangan. Masyarakat Islam pula menjalankan perniagaan berlandaskan syarak dengan mengharamkan riba. Sistem zakat dilaksanakan bagi membantu golongan miskin.

**11. Identiti masyarakat**

Keutamaan pada bangsa ditekankan pada zaman Jahiliah. Pada zaman Islam, ditekankan aspek persaudaraan Islam.

**C. KESIMPULAN (2 Markah)**

Apa-apa sahaja yang berkaitan.

**10. HURAIKAN KONSEP UMMAH SERTA JELASKAN SEBAB-SEBAB PEMBENTUKAN UMMAH OLEH NABI MUHAMMAD SAW DAN MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI BERDASARKAN KEADAAN YANG WUJUD DI MADINAH**

**Pendahuluan (3 markah)**

- Sebelum kedatangan Islam, kota Madinah dikenali sebagai Yathrib.
- Majoriti penduduknya terdiri daripada Kaun Arab dikenali sebagai kaum Aus dan Khazraj. Manakala suku kaum Yahudi terbesar ialah Bani Qainuqa, Bani Quraizah dan Bani Nadir
- Kaum Yahudi di Madinah lebih berpengaruh daripada orang Arab sebelum kedatangan Islam. Orang Arab terpaksa tunduk kepada kekuasaan Yahudi.
- Justeru itulah mereka mengunjungi Nabi Muhammad SAW yang akhirnya membawa kepada peristiwa Hijrah.

**Isi Jawapan**

**Konsep Ummah (5 markah)**

- Ummah bererti masyarakat, komuniti atau umat manusia. Firman Allah SWT menerusi al-Quran, setiap ummah diutuskan seorang rasul untuk diberi petunjuk.
- Rasul dan umat yang disebut dalam al-Quran termasuklah umat Nabi Ibrahim (as), umat Nabi Isa (as) dan umat Nabi Muhammad (s.a.w).
- Dalam konteks ummah pada zaman Nabi Muhammad SAW, konsep ini tidak terhad kepada umat Islam sahaja tetapi juga masyarakat yang berada di Madinah termasuk kaum Yahudi.
- Konsep `ummah` ialah masyarakat (Islam dan bukan Islam) yang mematuhi undang-undang Negara Islam yang termaktub dalam `Piagam Madinah`.
- Bagaimanapun, apabila orang Bani Qainuqa` dan Bani Nadir (Yahudi) disingkirkan dari Madinah kerana melanggar Piagam Madinah, mereka tidak lagi dianggap sebagai ummah Nabi Muhammad SAW. Dengan itu, konsep ummah terbatas kepada umat Islam yang tinggal di Madinah sahaja.

**Sebab-sebab Pembentukan Ummah. (3 x 3m = 9 markah)**

- Mewujudkan semangat persaudaraan Islam yang ditanamkan oleh Nabi Muhammad SAW di kalangan mereka sangat mendalam sehingga mereka tidak merasakan adanya perbezaan antara golongan Ansar dan Muajirin
- Masyarakat berbilang kaum dan agama. Tugas utama Nabi Muhammad SAW ialah mewujudkan perpaduan di kalangan masyarakat berbilang bangsa dan agama. Tiga pihak utama yang sering bertelingkah untuk merampas pucuk pimpinan dan penguasaan ekonomi ialah kaum Yahudi (Bani Qainuqa', Nadir dan Quraizah), kaum Ansar (Aus dan Khazraj) dan kaum Muajirin.
- Penyatuan Arab Madinah penting untuk keharmonian, keamanan dan *survival* Islam.
- Persaudaraan Islam perlu dipupuk kerana orang Muajirin berjumlah kira-kira 150 orang yang datang meninggalkan harta dan keluarga perlu dibantu oleh orang Ansar untuk meringankan beban mereka.
- Semua pihak menghormati Piagam Madinah yang mengandungi hak dan tanggungjawab pihak pemerintah dan golongan yang diperintah.
- Di Madinah ada sekumpulan orang Islam ibarat musuh dalam selimut yang menjadi penghalang kepada penubuhan negara Islam iaitu kaum Munafik.

**Masalah-masalah (2x3 = 6m)**

- Ancaman Yahudi Bani Qainuqa`, Bani Nadir dan Bani Quraizah: Bani Qainuqa` menghina kaum wanita Islam dan memperkecilkan kemenangan tentera Islam dalam Perang Badar. Bani Nadir cuba membunuh Nabi selepas Perang Uhud. Bani Quraizah pula membela dalam Perang Khandak.
- Ancaman juga datang dari kaum Munafik. Golongan ini dipimpin oleh Abdullah bin Ubay yang berpura-pura memeluk Islam tetapi dalam hati kecil mereka, mereka berniat memusnahkan Islam.

**Kesimpulan (1)**

- Kejayaan Nabi Muhammad SAW membentuk ummah merupakan satu kejayaan besar dalam pembentukan Negara Islam Madinah.
- Madinah berjaya `dibersihkan` daripada anasir-anasir yang ingin menghancurkan Islam.

## 11. JELASKAN ISI KANDUNGAN SAHIFAH MADINAH DAN KEPENTINGAN PIAGAM TERSEBUT DALAM PENTADBIRAN NABI MUHAMMAD S.A.W DI MADINAH

### PENGENALAN ( 3 MARKAH )

1. Piagam Madinah atau Sahifah Madinah merupakan sebuah perlumbagaan bertulis yang telah dirangka oleh Nabi Muhammad (saw) pada tahun 622 M, berpandukan wahyu Allah. Piagam Madinah menjadi asas pemerintahan kerajaan Islam Madinah yang terdiri daripada masyarakat Islam dan masyarakat bukan Islam. Piagam ini mencatatkan tentang peraturan, tanggungjawab ketua negara dan rakyatnya, serta dirangka berasaskan persetujuan orang Islam (Muhajirin dan Ansar) dan orang bukan Islam (Yahudi dan suku Arab yang lain).
2. Pembentukan Piagam Madinah 622 M (1H) telah dipersetujui oleh orang Islam dan orang bukan Islam khususnya golongan Yahudi. Piagam Madinah mengandungi 47 fasal. Daripada 47 fasal itu, 23 fasal membincangkan hubungan di kalangan orang Islam dan tanggungjawab mereka. Sementara 24 fasal lagi adalah tentang tanggungjawab orang bukan Islam termasuk orang Yahudi terhadap negara Madinah.
3. Piagam Madinah berbeza dari tulisan-tulisan dan peraturan pemerintah sebelum ini kerana perlumbagaan ini ditulis oleh pemimpin iaitu Nabi Muhammaad saw untuk diguna pakai oleh rakyat Madinah. Piagam ini merupakan satu undang-undang tertinggi di Madinah, selain itu Al-Quran dan Al-Sunnah menjadi tatacara pemerintahan di negara kota Madinah

### ISI JAWAPAN

#### KANDUNGAN PIAGAM MADINAH – ( 4 isi x 2m = 8 )

Beberapa aspek utama Piagam Madinah ialah :

1. Rasulullah diiktiraf sebagai **ketua negara** Madinah yang wajib dipatuhi dan dihormati. Sebarang masaalah mesti merujuk kepada ketua negara untuk diselesaikan. Walau bagaimanapun ketua kaum masih mempunyai hak untuk menyelesaikan sendiri masalah jika difikirkan patut dan mampu diselesaikan betul.
2. Semua penduduk Madinah hidup sebagai **satu ummah** dan tidak terpengaruh dengan elemen luar yang tidak baik.
3. Semua penduduk **mesti bersatu padu, bekerjasama , tolong menolong di antara satu sama lain .**
4. **Wahyu dan tradisi** yang tidak bertentangan dengan syarak menjadi sumber Piagam.
5. **Kebebasan beragama.** Semua penduduk diberi kebebasan mengamalkan agama masing-masing tanpa ada sekatan, gangguan dan paksaan..
6. **Keselamatan penduduk dijamin** pemerintah selagi mereka mematuhi perlumbagaan tersebut.
7. **Bertanggungjawab mempertahankan negara** dari ancaman musuh.

#### KEPENTINGAN PIAGAM MADINAH (6 isi X 2m = 12m)

##### 1. Rasulullah menjadi Ketua Negara.

Penerimaan Rasulullah sebagai Ketua Negara telah menaikkan kedudukan baginda sebagai pemimpin dalam sebuah negara yang mana penduduknya terdiri daripada pelbagai bangsa. Baginda mempunyai kuasa untuk memutuskan apa-apa dasar negara dan menyelesaikan masalah yang timbul dari semasa ke semasa.

##### 2. Pengekalan Struktur Kekeluargaan Masyarakat Madinah

Pengekalan tersebut tidak bertentangan dengan ajaran Islam di samping pengubahsuaian sebahagian daripadanya sejajar dengan hukum Islam. Ketuaketua kaum tetap mempunyai autoriti terhadap kaumnya dan Rasulullah sebagai Ketua Hakim akan memutuskan hukuman terhadap kesalahankesalahan yang di luar bidang kuasa ketua kaum berkenaan.

##### 3. Hidup Bermasyarakat

Orang-orang Islam diwajibkan hidup bermasyarakat sesama mereka secara aman dan hendaklah membantu saudara seagama dan ditegah membantu dan berpihak kepada pihak musuh.

#### **4. Penyatuan Ummah**

Piagam Madinah telah menyatukan kaum-kaum atau suku-suku yang sebelum ini sentiasa berselisih faham misalnya Auz dan Khazraj, Ansar dan Muhajirin.

#### **5. Kegiatan Ekonomi**

Memberi kebebasan kepada semua pihak untuk menjalankan aktiviti ekonomi selagi tidak bercanggah dengan perlembagaan. Hal ini untuk mengelak penguasaan penuh (monopoli) orang Yahudi terhadap ekonomi Islam di Madinah seperti mana penguasaan ekonomi oleh Quaraisy di Makkah.

#### **6. Kebebasan Berdagang**

Kebebasan yang diberikan menarik minat pedagang-pedagang luar dating ke Madinah. Akhirnya Madinah menjadi pusat perdagangan penting di Semenanjung Tanah Arab. Dengan itu, umat Islam telah beransur-ansur menguasai ekonomi Madinah dan kawasan di sekitarnya.

#### **7. Kebebasan Beragama**

Dengan kebebasan ini, orang Islam bebas mengamalkan ajaran Islam tanpa gangguan atau sekatan. Hal ini memberi peluang orang bukan Islam mendekati orang Islam seterusnya berminat dengan ajaran Islam apabila memerhati akhlak dan personaliti dan disiplin umat Islam melakukan aktiviti harian termasuk amal ibadat.

#### **8. Wujud negara Islam Madinah**

Orang Yahudi secara tidak langsung mengiktiraf kewujudan Islam sebagai satu agama dan Madinah sebagai sebuah negara Islam dengan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai pemimpin. Sebelum ini, perkara ini ditolak oleh mereka.

#### **9. Hak Keselamatan Terjamin**

Keselamatan penduduk tanpa mengira agama atau kaum akan terjamin selagi mereka patuh kepada Piagam Madinah. Pihak yang cuba mengkhianati piagam akan diambi tindakan termasuk memerangi, menghalau atau membunuh jika terpaksa. Contohnya Bani Qainuqa' dihalau dari Madinah dan perang diisyiharkan terhadap mereka.

#### **KESIMPULAN (2 markah)**

Piagam Madinah terbukti piagam bertulis pertama di dunia dan merupakan undang-undang terbaik yang mesti diikuti oleh mana-mana negara. Rasulullah dengan bijaknya telah membuktikan kesempurnaan piagam ini dan seterusnya membuktikan kepada dunia bahawa peraturan Islam berlandaskan al-Quran memberi kebaikan dan kesempurnaan kepada manusia tanpa mengira agama dan bangsa.

## 12. NABI MUHAMMAD SAW TELAH MENUNJUKKAN CONTOH TELADAN YANG TERBAIK DALAM KEPIMPINAN BAGINDA. BINCANGKAN KEPIMPINAN BAGINDA DALAM PELBAGAI BIDANG.

### Pendahuluan (3 markah)

- Nabi Muhammad SAW dilahirakan pada 12 Rabiulawal bersamaan 20 April Tahun Gajah.
- Baginda menerima wahu yang pertama pada 17 Ramadan (16 Ogos 610M) iaitu Surah Al Alaq dan dilantik secara rasmi sebagai Nabi ketika berusia 40 tahun 6 bulan.
- Baginda telah menjalankan dakwah melalui dua cara iaitu berdakwah secara sulit selama kira-kira tiga tahun dan kemudian dilakukan secara terbuka tetapi ditentang hebat orang Musyrikin sehingga baginda berasa sungguh kecewa dan berhijrah ke kota Madinah serta berjaya membina sebuah negara yang berdaulat dan disegani.
- Disifatkan sebagai contoh yang terbaik sebagaimana yang diajar di dalam al-Quran. Baginda bukan sahaja seorang nabi dan rasul tetapi juga seorang pemimpin masyarakat dan negarawan yang disegani.

### Isi Jawapan (5 x 4 markah = 20 markah)

#### Kepimpinan Nabi :

##### i. sebagai pemimpin agama

- Mempunyai empat sifat terpuji iaitu siddiq, amanah, tabligh dan fatanah (beri contoh)
- Menyampaikan ajaran Islam kepada umat manusia.
- Baginda berakhhlak mengikut ajaran yang diajar dalam al-Quran.
- Sebagai seorang pendakwah, Nabi menunjukkan sifat-sifat sebenar iaitu lemah lembut, toleransi, tegas dan berpegang teguh kepada ajaran yang dibawanya terutama aspek akidah. Contohnya, Nabi Muhammad SAW tetap bersabar menghadapi tentangan orang Musyrikin sehinggalah kemuncaknya mereka berkomplot untuk membunuh baginda.
- Baginda melakukan aktiviti dakwah dengan penuh dedikasi dan tidak pernah cuba menunjukkan kuasa-kuasa luar biasa walaupun dianugerahkan pelbagai mukjizat oleh Allah SWT.
- Baginda telah menentukan beberapa bidang disiplin bagi menjamin kesejahteraan masyarakat iaitu ibadat (solat, puasa, zakat dan lain-lain), nikah kahwin, jenayah dan ketatanegaraan serta hubungan antarabangsa yang bersumberkan al-Quran dan hadis.
- Dalam amanat terakhir, baginda berpesan supaya umat manusia berpegang kepada al-Quran dan hadis

##### ii. sebagai pemimpin politik

- Mengasaskan perlembagaan bertulis yang pertama di dunia iaitu Sahifah Madinah.
- Kepimpinan baginda telah terserlah sebelum kerasulan baginda lagi apabila berjaya menyelesaikan pertelingkahan antara ketua-ketua suku Arab Makkah yang hampir menumpahkan darah iaitu meletakkan semula batu hitam atau Hajarul aswad di penjuru Kaabah.
- Mendamaikan pertelingkahan antara suku Aus dan khazraj di Madinah melalui perjanjian Aqabah Pertama dan Kedua.
- Diktiraf menjadi ketua Negara Islam Madinah melalui Sahifah Madinah.
- Mengadakan hubungan diplomatik, contohnya menghantar perwakilan Islam ke Habsyah dan Mesir.
- Memperkenalkan Sistem Syura (permesyuaratan) untuk membuat keputusan dalam semua bidang secara kolektif.

##### iii. Sebagai pemimpin tentera

- Menunjukkan mutu kepimpinan yang tinggi dalam bidang ketenteraan.
- Menjadi pemimpin dalam 27 ekspedisi ketenteraan (Ghazwah) yang disertai oleh baginda.
- Akidah, syariat dan akhlak yang mulia menjadi asas kepimpinan baginda dalam bidang ketenteraan.
- Baginda bertindak mengikut peraturan disyariatkan oleh Allah SWT.
- Mengamalkan sifat amanah dan tidak mudah lemah semangat dalam menghadapi musuh.
- Sentiasa adil kepada kawan samada kawan atau musuh. Contohnya membahagikan harta rampasan perang secara adil kepada kawan-kawan yang menyertai peperangan dan tidak melakukan pencerobohan terhadap musuh yang sudah lari dari medan perang atau kaum-kaum yang lemah.
- Berjaya merangka taktik dan strategi ketenteraan yang membawa kejayaan kepada tentera Islam.
- Memperkenalkan etika peperangan dalam Islam iaitu:

- Mematuhi perintah Allah serta menuntut keredhaannya
- Memberi pilihan sebelum berperang iaitu masuk Islam, bayar Jizyah atau berperang
- Tentera Islam dilarang bertindak kejam terhadap tawanan perang dan musuh yang telah mati.
- Tentera Islam dilarang memerangi kanak-kanak, kaum wanita dan orang tua.
- Tentera Islam dilarang memerangi orang yang sedang beribadat dan orang awam.
- Tentera Islam dilarang mengejar musuh yang telah lari.
- Tentera Islam dilarang memusnahkan harta benda dan tanaman awam.
- Berhenti berperang sekiranya musuh minta berdamai.
- Patuh kepada ketua.
- Tidak boleh lari dari medan peperangan.
- Dbolehkan melakukan tipu muslihat dalam peperangan.

**iv. Sebagai pemimpin masyarakat**

- Berjaya menyatukan masyarakat Madinah yang berbilang agama dan keturunan.
- Menyatukan umat Islam melalui persaudaraan antara Muhajirin dan Ansar berdasarkan konsep ummah
- Berjaya mengekalkan perpaduan masyarakat Madinah seperti yang terkandung dalam Piagam Madinah.
- Persamaan taraf antara lelaki dan perempuan kecuali takwa.
- Menaikkan taraf wanita.
- Menghapuskan perbezaan kaum melalui konsep Ummah dengan menyatukan orang Muhajirin, Ansar dan Yahudi
- Kebebasan beragama kepada semua penduduk Madinah dan mengamalkan adat masing-masing.
- Ketua-ketua suku diberikan peranan masing-masing menyelesaikan masalah anggota suku masing-masing contohnya Sa'd bin Ubadah, ketua suku Khazraj dan Sa'd bin Muadz, ketua suku Aus untuk menjalankan penyiasatan.

**v. Sebagai ketua hakim**

- Menjalankan kewajipan sebagai ketua hakim yang adil dan saksama.
- Menunjukkan beberapa etika yang perlu dipatuhi oleh para hakim.
- Contoh ketegasan baginda dipaparkan apabila baginda menegaskan bahawa hukuman memotong tangan terhadap pencuri akan dilaksanakan walaupun pencuri tersebut adalah Fatimah anak yang paling baginda sayangi.

**vi. Sebagai perancang ekonomi**

- Memperkenalkan dasar ekonomi baru bagi menggantikan dasar ekonomi Zaman Jahiliyyah dan menggalakkan umat Islam bekerja keras serta bergiat dalam bidang perniagaan dan pertanian.
- Berusaha membangunkan ekonomi umat Islam yang tergadai kepada orang Yahudi.

**Kesimpulan (2 markah)**

- Nabi Muhammad SAW bukan sahaja mempunyai ketokohan dari aspek kepimpinan baginda sebagai nabi dan rasul tetapi baginda juga sangat berkaliber dari aspek politik, sosial, ekonomi dan pertahanan.
- Kepimpinan Nabi Muhammad SAW telah membawa masyarakat Islam kepada kehidupan yang lebih baik dan teratur.

### 13. BINCANGKAN KESAN PERANG SALIB TERHADAP DUNIA ISLAM DAN EROPAH

#### Pengenalan (3 markah)

- Perang Salib merupakan siri peperangan di antara pihak Islam dengan pihak Kristian. Ia juga merupakan kemuncak ketegangan perhubungan di antara Islam dan Kristian iaitu semenjak pihak Islam berjaya meluaskan kekuasaannya di Barat, Afrika dan setelah berjaya menumbangkan kerajaan Byzantine.
- Dinamakan Perang Salib kerana tentera Kristian memakai pakaian tentera bertanda salib.
- Motif peperangan – keagamaan dan sekular. Peperangan berpunca dari keinginan pihak Kristian untuk menguasai Baitul-Muqaddis.
- Peperangan mula meletus apabila Paus menyeru supaya pengikut2 Kristian bersatu agi menundukkan Islam serta menguasai semula wilayah2 yang telah dikuasai Islam terutamanya Baitul-Muqaddis, kota suci bagi Islam, Kristian dan Yahudi.
- Peperangan berlarutan selama hampir dua abad iaitu dari 1095 – 1291M dan berlaku dalam tujuh peringkat.
- Negeri-negeri terlibat : Mesir, Iraq, Syria, Afrika Utara, Sepanyol dan Hijaz.
- Tokoh-tokoh utama yang terlibat dalam perang Salib seperti Raja Richard, Raja Philips Augustus, Raja Frederick Babarosa dan Sultan Salahuddin al-Ayubi.

#### Isi Jawapan

##### A. Kesan Terhadap Dunia Islam

###### 1. Penjajahan Eropah ke atas sebahagian dunia Islam :

Pada peringkat awal berikutan Perang Salib pertama, tentera Kristian berjaya merampas kuasa daripada Kerajaan-kerajaan Islam di wilayah Syria-Palestine, sebahagian Mesir dan Anatolia. Edessa, Tarsus, Antioch, Aleppo dan Jerusalem diduduki oleh tentera Kristian dan jadikan koloni-koloni Eropah. Walaupun begitu, **koloni-koloni itu wujud** dalam kedudukan yang berbahaya dan pada tahun 1187 TM Jerusalem ditakluki semula oleh tentera Islam.

###### 2. Proses Asimilasi Dengan Masyarakat Tempatan :

Orang-orang Eropah yang menetap di koloni-koloni itu tidak begitu menyumbang kepada cara kehidupan masyarakat Islam. Kesan-kesan sosial adalah tidak mendalam. Dari segi kebudayaan dan tahap pencapaian intelektual, mereka masih wujud dalam keadaan mundur berbanding dengan orang-orang tempatan. Sebaliknya, orang-orang latin lebih tertarik kepada cara kehidupan masyarakat Islam seperti aspek-aspek pakaian, makanan dan perumahan. Proses asimilasi tidak berlaku secara meluas kecuali segolongan kecil yang berkahwin dengan orang-orang Muslim dan melahirkan segolongan yang dikenali “poulains” atau orang kacukan.

###### 3. Ekonomi :

Dari segi kesan ekonomi peperangan Salib mempergiatkan perdagangan di Syria. Pelabuhan-pelabuhan seperti Tyre, Acre, Askalon dan Gaza menjadi pusat kegiatan komersial di mana golongan saudagar Muslim berdagang dengan pedagang-pedagang Venice, Genoa, Pisa. Pada hal itu, diketahui bahawa penglibatan Venice dalam Perang Salib terdorong oleh motif hendak monopolikan perdagangan Syria, Mesir, Constantinople dan Laut Hitam.

#### **4. Perpaduan dan Penyatuan Umat Islam :**

Pada peringkat awal peperangan Salib, dunia Islam wujud dalam keadaan perpecahan dengan munculnya beberapa buah kerajaan kecil Islam. Kerajaan Abbasiyah yang dikuasai oleh Turki Sejuk tidak berkemampuan menentang tentera Salib. Tetapi mulai tahap kedua peperangan Salib, kerajaan-kerajaan Islam telah lebih bersedia untuk bersatu di bawah beberapa pemimpin-pemimpin yang berkaliber. Pemimpin-pemimpin itu bertindak untuk menentang dan merampas balik kawasan-kawasan yang diduduki oleh tentera Kristian.

#### **5. Lahirnya Tokoh-tokoh Islam :**

Antara pemimpin yang berjaya membendung dan menghapuskan musuh-musuh mereka ialah Zanki, Nur al-Din, Saladin, dan Baybars. Pada 1143 Zanzi merampas balik kawasan Edessa. Nur al-Din, anaknya, menakluki Damancus dan menduduki seluruh Syria kecuali Antioch, Salah al-Din menakluki Jerusalem pada 1187 TM dan berjaya menyatukan dunia Islam dari Sungai Nil hingga Sungai Tigris. Baybars pemerintah kerajaan Mamluk menghapuskan kuasa dan pengaruh tentera Salib di Syria pada tahun 1250 TM.

#### **6. Perubahan Pusat Pemerintahan dari Baghdad ke Kaherah.**

#### **7. Maruah Islam Meningkat selepas Sallehuddin mengambil semula Jurusallem 1187M.**

### **B. Kesan terhadap dunia Eropah :**

#### **1. Peperangan Sesama Kristian :**

Perang Salib mendedahkan kelemahan Kerajaan Byzantine di Constantinople dalam Perang Salib ke empat (1202-1204) tentera Salib yang dihasut oleh pedagang Venice menawan Pelabuhan Zara dibawah pemerintaha kerajaan Byzantine.

#### **2. Perkembangan Bandar :**

Perang Salib menyubang kepada perkembangan bandar-bandar di Eropah. Golongan Bourjuis mendapatkan hak-hak istimewa untuk menjalankan perdagangan dengan negara-negara timur. Kemakmuran bandar kian meningkat.

#### **3. Kemerosotan kuasa feudal dan bangsawan :**

Dari segi politik kuasa raja-raja di Eropah bertambah kuat akibat berlakunya kemerosotan kedudukan golongan bangsawan. Jadi Perang Salib telah menyubang kepada kemerosotan sistem feudalisme dan kebangkitan sistem kerajaan monarki.

#### **4. Perkembangan Industri :**

Perkembangan industri dipergiatkan melalui hubungan orang-orang Barat dengan penduduk-penduduk tempatan di Asia Barat. Tambahan pula pengetahuan sains Graeco- Arab mempergiatkan juga intelek Latin yang akhirnya menyubang kepada Renaissance.

#### **5. Perkembangan Intelektual :**

Ekspedisi-ekspedisi tentera Kristian juga menggalakkan kebangkitan minat orang-orang Eropah dalam penjelajahan dan penerokaan. Misalnya Marco Polo, seorang pengembara Venice. Alat kompas diperkenalkan ke Eropah dan dapat menggalakkan aktiviti maritim.

**6. Penjelajahan dan Penerokaan :**

Perang Salib menyumbang kepada perubahan organisasi dan taktik peperangan di Eropah. Alat kelengkapan baru diperkenalkan ke Eropah seperti busur silang dan baju besi. Serbuk letupan digunakan meluas telah mengubah corak peperangan di Eropah.

**7. Teknologi Peperangan.**

**8. Pemangkin kepada kemajuan di Eropah dan bidang agama, Intelektual dan perdagagan.**

**Kesimpulan :**

Apa saja yang berkaitan.

**14. ‘MEMBAYAR ZAKAT ADALAH DIWAJIBKAN KE ATAS UMAT ISLAM’. BINCANGKAN SEJARAH, FUNGSI DAN PELAKSANAAN ZAKAT DARI ZAMAN RASULULLOAH SAW HINGGA PADA ZAMAN BANI UMAIYAH**

**A. PENDAHULUAN : ( 3markah )**

- Dari segi bahasa zakat bermaksud penambahan dan penyuburan pahala serta penyucian jiwa.
- Dari segi syarak pula, zakat ditakrifkan sebagai mengeluarkan harta mengikut kadar tertentu berdasarkan syariat yang telah ditentukan.
- Kewajipan mengeluarkan zakat telah disebut sendirian sebanyak 32 kali dan sebanyak 26 kali beriringan dengan kewajipan menunaikan solat di dalam al-Quran.

**B. Isi-Isi Jawapan : (20 markah )**

**1. Sejarah perlaksanaan zakat (3isi x 2 markah = 6 markah)**

- Bermula sebelum kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. Pada zaman Rasulullah telah ada amalan sedemikian. Dalam Al Quran, Allah telah menyebut beberapa Nabi dan Rasul terdahulu yang melaksanakan zakat. Antaranya Nabi Ibrahim, Nabi Yaakub, Nabi Ismail dan Nabi Isa.
- Peringkat kedua perlaksanaan zakat dapat dilihat sebelum penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w. ke Madinah. Pada masa ini zakat dikaitkan dengan amalan tolongmenolong golongan bangsawan terhadap golongan miskin khususnya pada awal penyebaran Islam. Contohnya Siti Khadijah dan Abu Bakar As Siddiq yang banyak mendermakan harta mereka demi perjuangan Islam. Cuma pengeluaran zakat pada ketika ini hanya bertaraf piihan tanpa dihadkan kadar nisab dan jenis harta benda yang hendak dikeluarkan.
- Pada 2 H, zakat mula difardukan ke atas setiap umat Islam antara bulan Syaaban hingga Syawal. Rasulullah s.a.w. pernah berpesan agar umat Islam menunaikan zakat.

**2. Fungsi Zakat (3 isi x 3 markah = 6 makah)**

- Dapat membersihkan jiwa dan rohani manusia daripada sifat bakhil, sompong, mementingkan diri dan sayangkan harta. Dengan mengeluarkan zakat dapat melahirkan masyarakat yang aman dan saling bantu membantu.
- Zakat juga menguji golongan kaya agar bersifat pemurah, tolong menolong terhadap golongan yang kurang berada.
- Zakat mewujudkan suasana harmoni antara golongan berada dengan golongan miskin dan merapatkan jurang sosial antara mereka. Golongan miskin tidak akan merasa cemburu dan rendah diri. Manakala golongan kaya pula dapat membantu dan menandakan kesyukuran terhadap harta yang mereka miliki.
- Zakat dapat membersihkan harta seseorang daripada bercampur dengan hak orang lain. Mengikut Islam, harta yang dimiliki apabila genap tempoh masa dan jumlahnya perlulah mengeluarkan sebahagian hartanya untuk diagihkan kepada yang berhak.

**3. Pelaksanaan zakat. (4 isi x 2 markah = 8 makah)**

- Pada zaman Rasulullah, zakat diwajibkan pada 2 H. Zakat terbahagi kepada dua iaitu zakat fitrah dan zakat harta benda. Zakat fitrah merupakan zakat yang diwajibkan ke atas orang Islam pada akhir bulan Ramadhan setiap tahun. Zakat ini diwajibkan kepada semua peringkat umur. Zakat harta benda ialah zakat yang dikeluarkan oleh mereka yang mempunyai harta dengan kadar tertentu. Harta yang diwajibkan zakat ialah tanaman, binatang ternakan, emas, perak, barang perniagaan dan harta rikaz.
- Zakat diberikan kepada 8 asnaf iaitu golongan fakir, miskin, mualaf, orang berjihad, orang berhutang, hamba yang hendak memerdekaan dirinya, musafir dan amil.
- Pada zaman Abu Bakar as-Siddiq, beliau telah bertindak tegas dengan golongan yang enggan membayar zakat ( Gerakan ar-Riddah) seperti di Yaman, Bahrain dan Oman. Beliau telah membentuk 11 pasukan tentera yang diketuai oleh Khalid bin al-Walid untuk memerangi golongan tersebut.

- Semasa Khalifah Umar al-Khattab, hasil pungutan zakat bertambah berikutan jumlah orang Islam kian meningkat. Ekoran perluasan kuasa pemerintahan kerajaan Islam semasa Umar. Amil dilantik untuk memungut zakat dan disimpan dalam Baitul Mal sebelum diagihkan.
- Semasa zaman Bani Umayyah, Diwan al-Kharaj ditubuhkan untuk menyelaras pemungutan zakat. Semasa Umar Abdul Aziz, masyarakat disarankan untuk bekerja keras dan tidak boleh mengharapkan belas kasihan orang lain. Sehingga dilaporkan tiada orang yang berhak menerima zakat pada zaman pemerintahannya. Zakat pada zaman Umaiyyah dibahagikan kepada lima iaitu zakat emas dan perak dikenakan 2.5%, zakat binatang ternakan dan barang perdagangan 2.5%, harta rikaz dan galian dibumi perang 1/5 dan dibumi aman 2.5%, zakat tanaman dan buahan jika menggunakan siraman hujan sebanyak 1/10, manakala menggunakan siraman sendiri kadarnya 1/20, kadar zakat di zaman ini bergantung kepada keuntungan, hak milik dan peralatan pertanian. Sekiranya jika ada yang enggan melaksanakan zakat akan dikenakan hukuman mengikut syarak.

### **3. Kesimpulan ( 2 markah )**

- Zakat amat penting sebagai sumber pendapatan negara. Ia bukan sahaja dapat mewujudkan suasana yang muhibah bahkan dapat menguatkan tahap keimanan umat Islam. Ia juga dapat menyucikan diri daripada sifat tamak haloba.

## 15. JELASKAN SUMBER ILMU MENURUT TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN BARAT

### Pengenalan ( 3markah )

- Ilmu berasal daripada perkataan Arab ‘alima’ yang bermaksud ‘tahu’.
- Dalam bahasa Inggeris ‘science’ bermaksud ilmu
- Dalam bahasa latin ‘science’ bermaksud ‘tahu’
- Ilmu juga dapat diertikan sebagai pengetahuan atau kepandaian dalam pelbagai perkara.

### Isi-isi Jawapan

#### Sumber ilmu menurut Tamadun Islam dan Tamadun Barat ( 10 isi x 2m : 20m)

##### 1. Sumber Al Quran (wahyu)

- Sumber ilmu yang sebenar datang dari Allah.
- Sumber-sumber itu wujud secara langsung melalui wahyu ataupun secara tidak langsung melalui tanda-tanda alam.

##### 2. Sumber Al Sunnah (hadis)

- Segala perkara yang datang daripada Rasulullah S.A.W sama ada perkataan, perbuatan atau pengakuan.
- Al Sunnah berada dalam kedudukan kedua selepas Al Quran dan wajib beramalkannya kerana sunnah itu sebagai hukum yang dapat merealisasikan tuntutan Al Quran. Contohnya cara-cara mendirikan solat.
- Sungguhpun sunnah itu datang dari Rasulullah S.A.W. tetapi merupakan wahyu yang datang daripada Allah .S.W.T dengan kata lain perkataan, perbuatan dan pengakuan Nabi Muhammad itu bukan dibuat atas kepentingan Rasulullah S.A.W tetapi datang daripada Allah.S.W.T.

##### 3. Sumber akal

- Menurut Imam al-Ghazali, akal terbahagi kepada dua iaitu aqli dan fikri.
- Beliau meletakkan akal di bawah martabat roh tetapi masih menyantung peranan akal.
- Menurut al-Ghazali, akal adalah ‘dacing’ kebenaran (Tuhan) (mizan al-Haq).

##### 4. Sumber ijтиhad (para ulama)

- Ijтиhad adalah pengkajian dan penyelidikan untuk mengetahui dengan dalamnya tentang sesuatu.
- Menurut ulama usul fiqh, ijтиhad ialah menggunakan sepenuhnya usaha untuk mendapatkan hukum syarie amali daripada dalilnya yang terperinci dengan mengistinbat hukum daripada dalilnya. Ijтиhad merupakan salah satu antara dua sumber hukum perundangan Islam selain Al Quran dan hadis.

##### 5. Sumber pancaindera

- Lima pancaindera berperanan sebagai penghubung antara manusia dengan alam luarnya.
- Pancaindera adalah sumber yang dimiliki oleh semua manusia tanpa mengira keturunan, warna, kulit, budaya dan agama.
- Menurut Ibnu Khaldun, sumber asal dalam pencapaian ilmu ialah perkara yang dapat dikesan oleh lima pancaindera.

##### 6. Sumber sejarah

- Dalam Islam, sejarah menjadi sumber ilmu yang utama terutama sejarah yang terkandung dalam Al Quran dan hadis.
- Melalui sejarah dari Al Quran, manusia akan mengetahui hal ehwal akhlak orang-orang dahulu, sirah kehidupan nabi-nabi, peristiwa-peristiwa yang berlaku kepada bangsa manusia yang terdahulu yang boleh dijadikan panduan dan pengajaran.

#### Sumber ilmu menurut Tamadun Barat

##### 1 . Sumber taurat dan injil

- Pandangan ini beranggapan bahawa ilmu dipercayai bersumberkan Tuhan. Zaman empayar Rom, Buci merupakan ilmu yang paling tinggi dan ideal yang dipercayai diturunkan oleh Tuhan.
- Dalam agama Kristian, nilai-nilai kerohanian adalah prasyarat menjamin kehidupan yang baik.

**2. Sumber fikiran manusia**

- Merupakan pandangan ahli sekular, iaitu ilmu harus diperolehi daripada cara berfikir secara rasional dan mampu membuktikan semua fakta yang diperolehi.
- Fikiran sekular ini diambil dari falsafah Aristotle yang menganggap ilmu yang sebenar adalah melalui teori-teori yang dapat dibuktikan dengan fakta-fakta.
- Ilmu tidak seharusnya patuh / dipengaruhi oleh tuntutan agama yang tidak dapat dibuktikan dengan fakta.

**3. Sumber pancaindera**

- Ilmu boleh diperolehi dengan cara melalui pengetahuan sedia ada dan pengalaman seseorang itu.
- Pengetahuan yang diperolehi itu dikenali sebagai empirikal.

**4. Sumber hasil tulisan ahli falsafah**

- Hasil tulisan ahli falsafah Yunani umpamanya boleh dikumpul dan diterjemah serta diterbitkan semula seperti Plato dan Aristotle.

**5. Sumber kesedaran sejarah**

- Warisan dan kebudayaan klasik sesuatu bangsa boleh digunakan sebagai asas dalam proses mencari ilmu baru..

**C. Kesimpulan ( 2 markah )**

- Menurut sarjana Islam, manusia tidak mempunyai kemampuan untuk mencari tahap pengetahuan melebihi wahyu.
- Sumber berasaskan wahyu adalah mutlak kerana daripada ilham yang diberikan oleh Allah.
- Bagi sarjana Barat, ilmu hanya dibatasi oleh kemampuan akal dan fikiran manusia semata-mata.

## 15. BANDINGKAN KONSEP KETAHANAN DAN PERTAHANAN ANTARA TAMADUN ISLAM DENGAN TAMADUN EROPAH

### Pengenalan (3m)

1. Tamadun Islam merujuk kepada zaman kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. sehingga sekarang. Manakala tamadun Eropah pula merujuk kepada zaman pertengahan yang bermula pada selepas keruntuhan Empayar Rom - berlaku antara abad ke-5 hingga abad ke-15 Masihi. Zaman ini dapat dibahagikan kepada Zaman Gelap dan Zaman Moden awal.
2. Dalam tamadun Islam, isu ketahanan dan pertahanan bermula sejak dari zaman Nabi Adam as. lagi. Manakala dalam tamadun barat pula isu ini mula berkembang ketika munculnya tamadun awal manusia.

### Isi Jawapan (4 isi x 5 = 20)

#### 1. Pengertian ketahanan.

- a. Pengertian menurut Islam, ketahanan umat Islam yang utama terletak pada akidah dan syariah. Dengan kemantapan akidahlah, pada peringkat awal umat Islam yang berjuang telah mencapai kemenangan yang gemilang. Ketahanan dalam Islam juga merangkumi aspek fizikal termasuklah jasmani, persiapan alat senjata atau kelengkapan perang. Di samping itu Islam juga menekankan kepada ilmu, sama ada ilmu ketenteraan atau ilmu agama.
- b. Bagi tamadun barat pula, ketahanan merujuk kepada ketabahan dan kecekalan yang mencakupi dua unsur, iaitu fizikal dan rohani. Fizikal - pembentukan jasmani dan ketenteraan, manakala rohani - aspek agama, moral, dan jiwa. Ketahanan yang kuat datangnya dari ilmu pengetahuan, pengalaman, kecekapan pelaksanaan.

#### 2. Pengertian pertahanan.

- a. Sementara itu pengetian pertahanan dalam Islam merujuk kepada langkah kedua yang berbentuk praktikal bagi melaksanakan dasar-dasar ketahanan untuk membendung kehormatan dan keutuhan agama, masyarakat, dan negara. Ia juga merangkumi langkah bagi membela mereka yang lemah atau golongan yang dizalimi. Dalam hubungan ini, setiap individu muslim wajib mempertahankan diri, agama, masyarakat, dan negara jika diancam oleh pihak musuh.
- b. Dalam tamadun Barat, pertahanan merupakan usaha untuk mempertahankan diri, masyarakat, dan negara daripada ancaman pihak musuh. Dalam hal ini, pertahanan bergantung kepada ketahanan. Setiap warganegara dimestikan mempertahankan diri masyarakat dan negara daripada serangan musuh

#### 3. Etika peperangan.

- a. Islam juga telah menetapkan etika dan peraturan ketika berperang. Antaranya ialah larangan membunuh kanak-kanak, orang tua, wanita ahli ibadat, melancarkan peperangan selepas menyeri pihak musuh kepada Islam dan memberi pilihan membayar jizyah serta tidak menyiksa tawanan perang. Etika-etika ini jelas menunjukkan matlamat peperangan dalam Islam adalah untuk mewujudkan perdamaian dan bukannya menimbulkan permusuhan.
- b. Etika peperangan tamadun Eropah berbeza kerana mereka tidak menekankan nilai-nilai moral dan akhlak.

#### 4. Matlamat peperangan.

- a. Matlamat peperangan Islam - Setiap individu Muslim wajib mempertahankan diri, agama, masyarakat, dan negara jika diancam oleh pihak musuh.
- b. Matlamat peperangan di Barat adalah berbeza-beza mengikut peringkat. Pada zaman gelap - peperangan sering berlaku di kalangan golongan bangsawan kerana ingin menguasai wilayah-wilayah yang dimiliki oleh golongan bangsawan yang lain. Pada zaman tersebut tanah merupakan punca kekayaan. Peperangan yang berlaku di antara raja dengan golongan bangsawan pula adalah disebabkan

oleh raja mahu mengurangkan kuasa golongan bangsawan. Pada zaman moden awal pula, di Eropah peperangan merupakan perkara yang penting. Ini membawa kepada berlakunya Perang Salib di antara orang-orang Kristian dengan orang-orang Islam untuk mempertahankan tanah suci Jurusalem. Matlamat peperangan di Eropah pada zaman moden pula, menjelang abad ke-16 Masihi adalah untuk mengukuhkan kedudukan clan imej sesebuah negara. Implikasinya peperangan merupakan satu perkara yang biasa di antara negaranegara bangsa.

### **Kesimpulan**

Peperangan dalam Islam lebih mementingkan aspek akhirat. Manakala dalam tamadun Barat ia lebih menekankan kepentingan dunia ni. Islam menjadikan maslahat dunia ni hanya sebagai alat bagi menegak dan memelihara agama disamping membela ummah

*Pembagian markah;*

*P:3m, I:4isi\*5m, K:2m*

*\*Setiap isi mesti dibandingkan dan pemarkahan secara impression*

**16. BANDINGKAN SUMBANGAN IBN BATUTTAH DAN MARCO POLO DALAM BIDANG PELAYARAN DAN PENJELAJAHAN KEPADA PERKEMBANGAN TAMADUN MANUSIA**

**Pengenalan : ( 3 Markah )**

1. Marco Polo merupakan seorang pedagang dan pengembara yang berasal dari Venice, Itali. Beliau berasal daripada keluarga Polo yang terkenal kerana penglibatan dalam bidang perdagangan di Timur Tengah. Marco Polo memulakan ekspedisi pertama dengan menyertai bapanya Niccolo Polo dan bapa saudaranya Maffeo Polo ke China pada tahun 1271 M. Beliau menyertai aktiviti penerokaan dan penjelajahan selama 24 tahun.

2. Nama sebenar Ibn Battuta ialah Muhammad bin Abdullah bin Muhammad bin Ibrahim al-Lawati . Dilahirkan di Tamjah @ Tenger sebuah daerah di Magribi pada tahun 703H/1304M. Memulakan pengembaraannya ketika berusia 21 tahun. Hasil pelayarannya tercatat dalam sebuah buku yang bertajuk Rihlah yang dianggap sebagai dokumen sejarah yang terkenal untuk kajian sosial, ekonomi, politik dan budaya di dunia Islam pada kurun ke-14 M. Beliau ialah seorang ilmuwan dalam bidang pelayaran, agama dan bahasa. Beliau telah mengembara ke seluruh negara Islam seperti Mesir, Arab, Iran, Iraq & India, Asia Timur seperti Anatolia dan China . Keseluruhan pengembaraan 120 000 kilometer antara tahun 1325-1353 M.

**Isi Jawapan. (20 Markah)**

**A. Sumbangan Ibn Battutah.**

**1. Pertambahan Ilmu Geografi**

Ibn Battutah berjaya mengembara hampir ke semua negara Islam termasuk Mesir, Syria, Arabia, Iraq, Iran , India (semasa pemerintahan Muhammad Ibn Tughluq), China dari Chuan Chou ke Peking, Kepulauan Nusantara dan juga Constantinople. Catatannya tentang negeri2 tersebut telah mendalami pengetahuan geografi tempat2 itu.

Beliau juga telah mengembara sejauh 75,000 batu di antara tahun 1325 hingga tahun 1353 Masihi.

**2. Pensejarahan**

Beliau berjaya menemui ramai pemerintah, wazir dan juga pegawai-pegawai tinggi yang majoritinya boleh dipastikan dengan sumber2 lain. Hubungannya dengan mereka tercatat dalam bukunya “Rihlah” (Pengembaraan Ibn Battutah) yang boleh dianggap sebagai dokumen sejarah. Dalam buku itu aspek sosial, ekonomi dan politik boleh didapati terutamanya yang berkaitan dengan dunia Islam. Banyak diketahui tentang Anatolia, India di bawah pemerintahan Muhammad ibn Tughluq, Afrika Timur dan Barat dan Maldives.

**3. Memberi sumbangan kepada ilmu Sejarah**

Contoh ; Pengislaman Nusantara, India dll.

4. Sumbangan terhadap ilmu sosiologi dan antropologi (budaya masyarakat), pakaian, makanan dll.

**5. Bidang ekonomi**

Terutama kegiatan ekonomi

**6. Perkembangan dalam bidang ekonomi politik pembesar di India dan Acheh**

Catatan ini lakukan ketika Ibn Battutah singgah di India pada tahun 1333M. Di sini beliau pernah dilantik menjadi kadi besar di bawah pemerintahan Sultan Muhammad Tughluq. Beliau juga pernah singgah di Pasai , Utara Sumatera dan bertemu dengan Sultan Malik al- Zahir yang memerintah kerajaan Pasai.

**7. Semangat mengembara kepada orang Islam**

Pengembaraannya telah memberikan nafas baru kepada pengembara2 lain mengikut jejak langkahnya.

Beliau digelar oleh para orientalis sebagai “The Prince of Muslim Travellers”. Pengembarannya selama 28 tahun juga meletakkan beliau setaraf dengan pengembara2 terkenal seperti Marco Polo.

## **B. Sumbangan Marco Polo.**

### **1. Lawatan ke China :**

Beliau menyertai ekspedisi ayahnya,Niccolo Polo ke China ketika berusia 17 tahun. Dalam perjalanan, beliau melalui negara Parsi , Hormuz, Kermen. Belkh, Lembah Oxus, Pamir, Kashgar, Yarkhand, Khotan dan Lob Nor ke China.

### **2. Berkhidmat sebagai duta :**

Marco Polo berkhidmat dengan Maharaj Kublai Khan selama 17 tahun dan dilantik sebagai duta ke kawasan jauh seperti Shansi, Shensi, Szechuan,Yunan, Tibet dan Burma. Mengetuai misi diplomatik ke Tanah Melayu, Sumatera, Tibet dan Sri Lanka.

### **3. Menulis kemajuan peradaban timur :**

Marco Polo berpeluang melihat kemajuan yang telah dicapai oleh masyarakat China dan mencatatnya dalam buku *The Travels of Marco Polo*. Antara kemajuan yang telah dicapai oleh bangsa China ialah penggunaan wang kertas, pencetakan blok, penggunaan asbestos, peleburan arang batu dan pembangunan bandar-bandar besar. Orang China juga menghasilkan serbuk letupan, mencetak buku dengan menggunakan blok kayu berukir. Maklumat tentang kemajuan peradaban China mempengaruhi masyarakat Eropah khususnya dalam bidang ekonomi.

### **4. Catatan tempat-tempat yang dilawati :**

Marco Polo juga melawat banyak tempat-tempat dalam perjalanan pulang dari China. Antaranya ialah Sumatera, Sri Lanka. Koromandel, Gujerat, Hormuz,Parsi, Tabriz, Trebizonid dan Constantinople. Beliau juga menulis catatan tentang tempat-tempat yang dilawati, membuat catatan tentang pertanian, rempah ratus, pertukangan, penduduk dan agama masyarakat China.

### **5. Menulis kitab pengembaraan :**

Beliau menulis sebuah buku berjudul *The travels of Marco Polo* ketika berada dalam tahanan di Genoa. Buku ini ditejermahkan dalam bahasa Latin , Sepanyol dan Inggeris. Buku ini menjadi sumber rujukan bagi para pengembara Eropah khususnya dari negara Portugal dan Sepanyol untuk melakukan ekspedisi menjelajah ke luar. Maklumat yang terkandung dalam buku ini mendorong pelayar-pelayar Eropah seperti Christopher Columbus mencari jalan laut ke timur. Mubaligh-mubaligh Kristian seperti Friar Odoric dan John Monte Corvino tertarik untuk pergi ke China selepas membaca buku tersebut.

### **6. Sumbangan dalam bidang geografi :**

Maklumat tentang ilmu geografi yang terdapat dalam buku beliau membantu pelayar-pelayar Eropah melancarkan ekspedisi dan menghasilkan peta dunia yang lebih tepat daripada peta yang dihasilkan oleh Ptolemy pada abad pertama masihi.

### **7. Mendorong bangsa Eropah melakukan penjelajahan :**

Penulisan Marco Polo telah merubah pemikiran bangsa Eropah terhadap kegiatan penjelajahan dan penerokaan. Buku ini menyebabkan para pemerintah mula memberi dorongan kepada pelayar-pelayar untuk melakukan aktiviti penjelajahan dan penerokaan. Raja Henry telah mengasaskan satu institusi pelaut untuk menggalakkan orang Portugis terlibat dalam aktiviti penjelajahan dan penerokaan.

### **8. Merapatkan hubungan antara Barat dengan timur :**

Maklumat tentang dunia timur khususnya negara China oleh Marco Polo telah menyebabkan orang Eropah berlumba-lumba untuk melancarkan ekspedisi ke China. Antara mualigh Katholik melawat China seperti Giovanni de Montecorvino, Marignolli dan Pegolotti.

**Kesimpulan (2 markah)**

1. Ibn Batutah adalah seorang tokoh pengembara dan ahli pelayaran Islam yang terkenal pada zaman pertengahan.
2. Pengalaman pengembaraannya selama 28 tahun telah dibukukan dan membuka minda masyarakat Eropah.
3. Marco Polo telah memberikan sumbangan besar dalam mendedahkan kekayaan peradaban timur kepada masyarakat Eropah.
4. Kejayaan Marco Polo memberi inspirasi kepada pelayar-pelayar Eropah melancarkan ekspedisi penjelajahan dan penerokaan pada abad ke-15 dan 16 M.

A T A U

**BANDINGKAN SUMBANGAN IBN BATUTTAH DAN MARCO POLO DALAM BIDANG PENEROKAAN DAN PENJELAJAHAN KEPADA PERKEMBANGAN TAMADUN MANUSIA**

**PENGENALAN ( 3m )**

1. Konsep Penjelajahan dan penerokaan
2. Pelayaran Marco Polo - Penemuan – penemuan Marco Polo telah Berjaya meningkatkan Pengetahuan geografi sejak Ptolemy. Marco Polo pada kurun ke- 13 Masihi telah menyeberangi Asia Tengah melalui Jalan Sutera sehingga ke Negeri China. Ia berkhidmat dengan Maharaja Kabul Khan selama 17 tahun dan mendapat banyak peluang untuk menyaksikan keadaan sosial dan ekonomi China terutamanya Cambaluc. Kebesaran dan kegemilangan China di bawah pemerintah Mongul adalah tercatat dalam bukunya “The Travels of Marco Polo”.
3. Pelayaran Ibnu Batutah – berketurunan arab berasal dari maghribi. Nama sebenar ialah Muhamad bin Abdullah. Beliau memulakan pelayarannya ketika berusia 21 tahun dan hasil pengembaraannya dalam bidang buku Rihlah.

**ISI JAWAPAN**

**Sumbangan Marco Polo kepada perkembangan Tamadun Manusia. ( 5 isi x 2m = 10 m )**

1. Penemuan – penemuam Marco Polo dapat memberi sumbangan kepada **peningkatan ilmu Geografi**. Buku *The Travels of Marco Polo* menjadi sumber rujukan banyak negara di Eropah terutamanya Portugal dan Sepanyol. Penterjemahannya dibuat ke dalam bahasa Latin, Jerman, Sepanyol dan Inggeris. Buku ini juga mengandungi maklumat tentang kekayaan Negara China , saiz negara serta jiran –jirannya yang terkaya.
2. Mencetus dan menggalakkan dalam pengembaraan khususnya penerokan Portugal dan Sepanyol. Buku Marco Polo dijadikan garis panduan untuk mendorong pengembara dan Mubaligh Eropah seperti Christopher Columbus mencari jalan laut ke China dengan merentasi lautan Atlantik pada tahun 1494 Masihi .
3. *The Travels of Marco Polo* berjaya mencetuskan imiginasi dan mengubah prespektif mental orang Eropah. Ia telah mencetuskan suatu revolusi dalam pemikiran dan konsep geografi yang membawa kepada penghasilan **peta – peta saintifik** yang jauh lebih tepat daripada Ptolemy.
4. Penemuan dan penulisan Marco Polo telah membawa perubahan besar dan membuka mata orang Eropah dalam menggalakkan semangat baru kepada pengembaraan dari Portugal dan Sepanyol seperti Henry The Navigator menjelajah ke kawasan di luar Lautan Mediteranean..

5. Karyanya *The Book of Marco Polo* memberi maklumat kepada orang Eropah tentang **keajaiban hal-hal ketimuran** termasuk tentang penggunaan asbestos , pembakaran arang, penggunaan wang kertas dan kemajuan pencetakan. Kesemua maklumat ini mempengaruhi masyarakat Eropah dalam usaha mengembangkan institusi kewangan di Eropah.

6. Penemuan Marco Polo telah mempercepatkan hubungan antara Eropah dengan Negeri China. Mubaligh – mualigh Khatolik dan saudagar – saudagar Itali telah banyak melawat negeri China. Antaranya ialah Giovanni de Montecorvino, Marignoli dan Pegolotti. Orang Eropah juga menjelajah lebih jauh sehingga sampai ke kawasan Asia Tenggara.

7 Hubungan yang erat juga memperkenalkan budaya masyarakat Eropah konsep percetakan, penggunaan kertas dan terutamanya konsep wang kertas. Maklumat ini juga mempercepatkan lagi pertumbuhan dan **perkembangan ekonomi** keewangan bertujuan eksport di kawasan Eropah barat.

### **Sumbangan Ibnu Battutah Kepada Perkembangan Tamadun manusia. ( 5 isi x 2m = 10 m )**

1. Ibnu Battutah berjaya mengembara hampir ke semua negara Islam termasuk Mesir, Syria, Iraq, Iran, India semasa pemerintahan Muhammad Ibn Tugluq, Anatolia, Chia dari Chuan Chaou ke Peking, Kepulauan Nusantara dan juga Constantinopel. Adalah diaktak bahawa ia telah mengembara sejauh 75, 000 batu diantara tahun 1325 hingga tahun 1353 Masihi.

2. Kepentingan sumbangan Ibnu Battutah bukan sahaja dari segi pertambahan Ilmu, yang lebih penting ialah dari segi sumbangan bidang **pensejarahan** . Beliau berjaya menemui ramai pemerintah, wazir dan juga pegawai – pegawai tinggi yang majoritinya boleh dipastikan dengan sumber – sumber lain.

3. Hubungannya dengan mereka tercatat dalam buku **Rihlah Ibn. Batutta** yang boleh dianggap sebagai dokumen sejarah. Dalam buku itu aspek – aspek sosial, ekonomi dan politik boleh didapati terutamanya yang berkait dengan dunia Islam. Banyak diketahui tentang sejarah Anatolia, India di bawah pemerintahan Muhammad Tughluq, Afrika Timur dan Barat dan Maldives.

4. Karya al Rihlah telah mendapat tumpuan para sarjana Barat seluruh dunia . Buku ini juga diterjemahkan kepada beberapa bahasa lain seperti bahasa Inggeris , Perancis , Belanda dan Jerman dan lain-lain. Dalam bahasa Inggeris lebih dikenali sebagai *The Travels of Ibn-Batuta* yang disahkan oleh Profesor H.A.R. Gibb.

5. Penulisan Ibn Batutta banyak mempengaruhi perkembangan dan pertambahan bidang ilmu geografi . Mereka dapat menggunakan maklumat ini untuk memperbaiki jalan pelayaran ke Timur supaya sampai dengan mudah dan cepat. Penulisannya juga memberi idea baru kepada pengembara – pengembara lain mengikuti jejak langkahnya. Ianya juga menimbulkan semangat mengembara di kalangan masyarakat seluruh dunia.

6. Kejayaan ekspedisi pelayarannya juga telah menimbulkan semangat mengembara dan mendorong para pelayar Islam untuk mengikut jejak langkahnya seperti tokoh Ibn. Hawqal , Sulayman al Mahri dan sebagainya . Misalnya , Sulaiman al Mahri telah berjaya merentasi lautan antarabangsa seperti peraiaran mediteranean , lautan Pasifik , Lautan atlantik melalui selat Gibraltar.

7. Di Contantinople beliau telah mencatat tentang keindahan kota yang dilengkapi dengan pasar atau gudang membeli belah , jalanraya yang indah yang dibina daripada batu , kewujudan sebuah gereja besar yang dikenali sebagai Gereja Sancta Sophia di tengah-tengah kota berkenaan. Pasai pula dicatatkan sebagai kawasan yang subur yang dipenuhi dengan pokok kelapa , cengklik , gaharu dan lainnya.

### **KESIMPULAN (2m)**

Sumbangan kedua – dua pengembara di atas memang memberi suatu asas untuk manusia melangkah ke arah kemajuan dan perkembangan tamadun manusia. Marco Polo dapat memperluaskan pengetahuan dalam bidang Geografi yang mendorongkan perluasan pengaruh Eropah ke Asia dan benua Amerika.

Manakala sumbangan Ibnu Batutah bukan saja dalam bidang geografi tetapi juga memperkayakan pensejarahan terutamanya dunia Islam. Ia dikenali sebagai The Traveller of Islam.